


**Jilid I
Bil. 83**



**Hari Khamis
11hb Disember, 1975**

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 9169]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1976:

Jawatankuasa (Hari Keempatbelas)—

Jadual—

Kepala B. 64 dan B. 65 [Ruangan 9180]

Kepala B. 66 [Ruangan 9234]

USUL:

Anggaran Pembangunan Sementara, 1976:

Jawatankuasa (Hari Keempatbelas)—

Kepala P. 64 dan P. 65 [Ruangan 9180]

Kepala P. 66 [Ruangan 9234]

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 9179]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Khamis, 11hb Disember, 1975

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N. S.P.M.K., S.J.M.K.
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).
- „ Menteri Undang-undang dan Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J., P.J.K., B.C.K., A.D.K. (Tenggaroh).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian).
- „ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K., Tengku Sri Mara Raja (Kota Bharu).
- „ Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., J.M.K., A.D.K. (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Galian, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian,
TUAN MUSTAPHA BIN ALI (Kuala Trengganu).

- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan,
DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung
Baru, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan,
TUAN RAIS BIN YATIM (Jejebu).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).

Yang Berhormat TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).

- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).

YANG TIDAK HADIR:

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).

- „ Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., S.I.M.P., P.I.S. (Sri Gading).

Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).

Yang Berhormat Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).

- „ Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.R., S.P.M.K., S.P.D.K., Datuk Sri Paduka Raja (Nilam Puri).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, D.S.R., S.M.K., S.I.M.P. (Temerloh).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K., S.I.M.P. (Lipis).
- „ Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N., A.D.K. (Kuala Langat).
- „ Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas dan Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K., P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Labis).
- „ Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATUK SHARIEF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kemaman).
- „ Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MAT ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Bagan Datok).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN ABU BAKAR BIN UMAR, S.D.K. (Kota Setar).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, P.M.P., K.M.N. (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG, A.D.K. (Labuk Sugut).

- Yang Berhormat TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH, A.S.D.K., A.D.K. (Silam).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M., (Hilir Padas).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K., (Ulu Trengganu).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TENGKU TAN SRI RAZALEIGH BIN TENGKU MOHD. HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

YANG HADIR BERSAMA:

Yang Berhormat Timbalan Menteri Undang-undang, DATUK ATHI NAHAPPAN, D.P.M.S. (Dilantik).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Nghoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

IBU PEJABAT BRIGED TENGAH POLIS HUTAN—SERANGAN BOM TANGAN

1. **Tuan Hashim bin Ghazali** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa serangan bom-bom tangan di kawasan Ibu Pejabat Briged Tengah Polis Hutan, Jalan Pekeliling baru-baru ini adalah disebabkan kawalannya yang lemah, jika ya apakah tindakan yang akan diambil supaya kawasan tersebut dan kawasan-kawasan lain seperti itu dikawal dengan rapi.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan Ahli Yang Berhormat itu adalah sama seperti jawapan-jawapan saya dalam sidang Dewan ini pada 28hb Oktober dan 19hb November, 1975 kepada Pertanyaan-pertanyaan Mulut Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar dan Ledang.

PENJENAYAH—HUKUMAN MAKSIMA

2. **Tuan Oo Gin Sun** minta Menteri Undang-undang dan Peguam Negara menyatakan, oleh kerana kejadian-kejadian jenayah di dalam bandar-bandar telah meningkat khususnya samun-menyamun maka sebagai suatu amaran, adakah beliau hendak menimbangkan meluluskan Undang-undang yang mewajibkan kesemua Mahkamah-mahkamah menjatuhkan hukuman maksima tiada kira samada samun-menyamun itu dilakukan dengan bersenjata api atau tidak samada kesalahan itu pertama kali atau tidak.

Menteri Undang-undang dan Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, mahkamah-mahkamah ada sebenarnya mengambil perhatian tentang jenayah-jenayah yang sedang meningkat khususnya samun-menyamun dalam kes-kes yang tertentu, mahkamah-mahkamah tidak

ragu-ragu menjatuhkan hukuman yang diwajibkan dalam undang-undang itu. Di dalam kes bunuh dan di dalam kes-kes yang tertentu di mana diperuntukan hukuman bunuh, mahkamah-mahkamah tidak mempunyai jalan lain melainkan menjatuhkan hukuman bunuh. Undang-undang cuma mengadakan hukuman maksima bagi sesuatu kes dan terpulanglah kepada budibicara mahkamah untuk menjatuhkan hukuman lebih ringan memandangkan kepada hal keadaan jenayah yang telah dilakukan itu atau dalam hal keadaan lain yang meringankan bagi pesalah-pesalah itu.

Yang demikian, tidaklah wajar yang mahkamah-mahkamah patut diberi kuasa-kuasa termesti untuk menjatuhkan hukuman-hukuman maksima bagi kesalahan itu kerana bukannya dalam semua jenis kes yang pesalah yang didapati bersalah oleh mahkamah patut diberi hukuman maksima sekiranya hal keadaan di mana sesuatu kesalahan yang telah dilakukan itu tidak patut diberi hukuman maksima.

Saya misalkan sekiranya ada budak sekolah yang berumur 18 tahun antara satu sama lain menyamun wang 15 sen atau \$1 daripada kawan-kawannya, sekiranya diberi hukuman maksima 15 tahun bermakna mahkamah mesti menjatuhkan hukuman 15 tahun dan tidak boleh diringankan. Itulah satu misal yang saya berikan.

MENTERI BESAR/KETUA MENTERI— PINDAAN PERLEMBAGAAN

3. **Tuan Oo Gin Sun** minta Menteri Undang-undang dan Peguam Negara menyatakan adakah Kerajaan akan membenarkan Menteri Besar atau Ketua Menteri dalam Semenanjung Malaysia meminda Perlembagaan Negeri memberi hak-hak yang khas manakala mereka bersara kelak oleh sebab memandangkan kepada salah satu Negeri di dalam Malaysia yang telahpun berbuat demikian. Jika tidak, apakah langkah-langkah yang beliau akan ambil supaya pindaan yang serupa itu tiada berlaku lagi.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Pindaan kepada Perlembagaan Negeri ialah perkara untuk Kerajaan Negeri dan kalau ada pindaan-pindaan yang dibuat yang tidak bercanggah dengan Perlembagaan maka berhak

Kerajaan Negeri itu membuatnya dan tidak berkehendak kebenaran daripada Menteri ataupun Kerajaan Persekutuan.

ANGGOTA-ANGGOTA POLIS— KEHILANGAN BARANG-BARANG

4. Dr Chen Man Hin minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk mencegah berlakunya sekali lagi peristiwa-peristiwa di mana penghuni-penghuni telah mengadu tentang kehilangan barang-barang kepunyaan seperti wang tunai, barang-barang hiasan, sijil beranak dan kerakyatan semasa pemeriksaan dari rumah ke rumah di sekitar Kuala Lumpur yang dilakukan oleh anggota-anggota Polis pada bulan September tahun ini.

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan yang seakan-akan sama telahpun saya jawab pada 29hb Oktober, 1975.

SEMBAHYANG JUMAAT

5. Tuan Mohd. Zahari bin Awang (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada benar bahawa ada kilang-kilang di negara ini yang hanya membenarkan pekerja-pekerja Islamnya menunaikan sembahyang Jumaat sekali sahaja dalam tiga minggu. Jika ya, apa langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan dalam perkara ini.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk Lee San Choon): Tuan Yang di-Pertua, jawapan mengenai perkara ini telahpun diberi di Dewan ini pada 11hb Julai, 1975 iaitu ketika menjawab soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Tumpat.

Pada umumnya, majikan-majikan di Sektor Swasta ada memberi waktu kelepasan kepada pekerja-pekerja mereka yang beragama Islam untuk menunaikan sembahyang Jumaat. Pegawai-pegawai Kementerian saya telah menasihatkan majikan untuk berbuat demikian.

Berkenaan dengan sembahyang Jumaat ini, pekerja-pekerja Muslim itu sendiri hendaklah mengambil daya usaha mereka untuk berunding dengan pihak majikan mereka dan jika perlu perkara ini hendaklah dimasukkan

sebagai salah satu peruntukan di dalam Perjanjian Bersama. Di sini saya sukacita menyatakan ada setengah-setengah Kesatuan Sekerja yang telahpun memasukkan perkara ini ke dalam Perjanjian Bersama mereka.

Walau bagaimanapun, di dalam beberapa hal yang tertentu mungkin ada majikan-majikan yang masih mengabaikan nasihat-nasihat Kerajaan itu. Saya suka mendapat tahu daripada Ahli Yang Berhormat yang berkenaan akan nama-nama Syarikat tersebut untuk disiasat.

Kementerian saya sedang menubuhkan satu jawatankuasa khas dengan wakil-wakil majikan sesudah berunding dengan Majlis majlis Ugama Islam dan Wilayah, untuk mengkaji perkara ini dan membuat perakuan-perakuan.

Tuan Mohd. Zahari bin Awang: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan memberi jaminan di dalam Dewan ini supaya pihak Kementerian melalui Jawatankuasa Khas itu dapat memberi nasihat untuk mengadakan tempat-tempat sembahyang di kilang-kilang yang tersebut supaya dengan ini dapatlah mereka menunaikan sembahyang Jumaat, waktu Asar dan sebagainya. Selain daripada itu, bolehkah pihak Kementerian ini juga memasukkan nasihat-nasihat seperti ini dalam Code of Industrial Relations itu?

Datuk Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, ini bergantung atas hasil perundingan yang akan diadakan.

DEVELOPMENT CORPORATION KOREA/MEMBINA TALIAIR DI BESUT

6. Tuan Lukman bin Abdul Kadir (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar menyatakan samada benar bahawa K.D.C. telah gagal menyiapkan pembinaan rancangan taliair Besut dalam jangka masa yang ditetapkan oleh perjanjian, dan apakah langkah-langkah yang akan diambil supaya pembinaan projek perairan Besut itu tidak terhenti hingga menimbulkan kesulitan kepada petani-petani.

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Ahli Yang Berhormat yang bertanya soalan No. 6 menerangkan apakah jenis makhloknya

"K.D.C.", saya tidak tahu. Saya minta diterangkan nama penuh "K.D.C." itu.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, "K.D.C." itu ialah nama satu kompeni iaitu "Korea Development Corporation" yang membina taliair itu.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawabnya memanglah ada kelewatan kerana beberapa sebab yang tidak dapat dielakkan seperti kekurangan bekalan bahan-bahan pembinaan, seperti simen, besi dan sebagainya pada tahun 1972 dan tahun 1973 semasa negara mengalami kekurangan bahan-bahan binaan dahulu serta kerja-kerja tambahan yang didapati perlu ditambah. Pada asalnya kerja-kerja pembinaan dijadualkan siap pada 14hb Julai, 1974 tetapi oleh kerana sebab-sebab yang saya sebutkan tadi tempoh menyiapkannya terpaksa dilanjutkan mengikut syarat-syarat yang dibenarkan di dalam kontrak dan pada masa sekarang ini kerja-kerja telahpun siap dan urusan-urusan untuk mengeluarkan certificate sedang diuruskan.

HOSPITAL BESAR BEAUFORT— PEMBINAAN

7. Tuan Haji Mohd. Taufek bin O. K. K. Haji Asneh minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) samada beliau sedar tentang kelambatan pembinaan Bangunan Hospital Besar di daerah Beaufort, jika sedar, apakah sebab-sebabnya dan nyatakan tindakan yang akan diambil bagi mengatasi masaalah ini;
- (b) bilakah pembinaan Dispensary di Weston dapat dimulakan; dan
- (c) bilakah Bandar Labuan akan mendapat bangunan Hospital yang lebih besar yang ada pada masa ini oleh kerana penduduknya sentiasa bertambah.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kelambatan perlaksanaan projek ini adalah disebabkan oleh masaalah pengambilan tanah. Perkara ini telahpun

diselesaikan. Jabatan Kerja Raya sedang menyediakan semua pelan-pelan arkitek dan struktur bagi bangunan-bangunan wad 4 tingkat. Selepas sahaja siap pelan-pelan ini, urusan tender akan dijalankan.

- (b) Pada masa ini, ada terdapat sebuah pusat kesihatan kampung di Weston dan dua orang Jururawat Kesihatan Luar Bandar ditempatkan di pusat tersebut. Cadangan untuk membina sebuah dispensari di Weston di bawah Rancangan Malaysia Ketiga sedang dipertimbangkan.
- (c) Hospital Daerah yang ada di Labuan pada masa ini mempunyai 80 buah katil dan besarnya cukup untuk memberi kemudahan-kemudahan yang perlu di daerah Labuan, walaupun penduduk-penduduk di daerah tersebut dianggarkan akan bertambah sebanyak lebih kurang 20,000. Hospital tersebut didirikan selepas perang dan bangunannya adalah "semi-permanent". Namum demikian, cadangan supaya Hospital ini diganti di bawah Rancangan Malaysia Ketiga sedang dalam kajian.

PAJAK GADAI—DIHAPUSKAN

8. Tuan Mohd. Zahari bin Awang minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar menyatakan samada Kementerianya bercadang untuk menghapuskan kedai-kedai pajak gadai kerana bunga atau faedah yang dikenakan oleh kedai-kedai tersebut adalah tinggi dan ini menyusahkan rakyat-rakyat miskin selain daripada mewujudkan lebih banyak kapitalis-kapitalis pajak gadai.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang pada masa sekarang untuk menghapuskan pajak gadai-pajak gadai. Ini adalah sebab tidak ada lain institusi-institusi yang boleh mengambil alih peranan yang dimainkan oleh pajak gadai. Perkara penting yang hendak dipertimbangkan ialah samada pajak gadai berfaedah kepada masyarakat. Mereka adalah memberi perkhidmatan yang berguna kepada sebilangan besar rakyat yang miskin dalam negara ini yang memerlukan wang dengan segera untuk mengatasi kesulitan-kesulitan mereka sendiri. Kemudahan-kemudahan seperti ini tidak dapat diperolehi

dari bank-bank atau lain-lain badan pada masa ini. Akta Pemegang Pajak Gadai, 1972 dan Peraturan-peraturan Pemegang Pajak Gadai, 1972 telah dikuatkuasakan pada bulan Januari, 1973. Undang-undang ini telah dibuat pada masa itu dengan tujuan hendak menggantikan Undang-undang Negeri-negeri yang berlainan dengan Undang-undang Persekutuan yang seragam, yang antara lain, menyelaraskan berbagai aturcara dan amalan yang terlibat dalam hal pajak gadai. Ini akan menentukan kawalan yang ketat dan yang lebih berkesan terhadap perniagaan pajak gadai.

Selain daripada itu, peraturan-peraturan ini telah menyelaraskan dan mengurangkan kadar-kadar bunga yang berbeza-beza antara negeri-negeri, misalnya, bagi pinjaman yang tidak lebih daripada \$10 kadar bunga yang boleh dikenakan di negeri-negeri pada masa itu ialah di antara $3\frac{1}{2}\%$ hingga 5% sebulan. Mengikut peraturan-peraturan sekarang kadar bunga telah dikurangkan kepada 3% . Bagi pinjaman di antara \$10 dan \$50 kadar-kadar bunga pada masa itu ialah $2\frac{1}{2}\%$ hingga 4% . Ini telah dikurangkan kepada 2% . Bagi pinjaman yang lebih daripada \$50 kadar bunga telah dikurangkan daripada 2% kepada $1\frac{1}{2}\%$.

Saya ingin juga menambahkan bahawa Kementerian saya bercadang hendak mengkaji semula sistem pajak gadai dan kemajuan peraksanaan Akta Pemegang Pajak Gadai yang saya sebutkan tadi dan telah berhubung dengan Kerajaan-kerajaan Negeri untuk mendapat laporan serta juga sebarang pandangan atau usaha yang bertujuan memperbaiki lagi sistem tersebut.

Tuan Mohd. Zahari bin Awang: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana perjalanan pajak gadai ini diselenggarakan oleh orang-orang private, bukan koperasi atau Kerajaan dan pula pajak gadai ini tidak disertai bersama oleh bumiputra, adakah cadangan ataupun perkiraan yang dibuat oleh pihak Kementerian yang berkenaan, umpamanya, pajak gadai ini diserahkan kepada Bank Simpanan Nasional ataupun sebagainya kerana dengan cara ini dapat kita melibatkan perniagaan pajak gadai ini kepada bumiputra juga bersama.

Tan Sri Ong Kee Hui: Cadangan Ahli Yang Berhormat ini bolehlah dirujuk kepada satu jawatankuasa yang mengkaji perkara ini.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Biasanya berlaku pihak pajak gadai menipu orang-orang yang menggadai ini terutama orang-orang di luar bandar tentang kadar faedah yang dikenakan. Saya biasa menerima surat pajak daripada orang luar bandar minta kita mengirakan kadar faedah, kemudian si penggadai itu pergi kepada kedai dan kiraan yang dibuat oleh taukeh kedai itu lebih daripada apa yang kita kira. Jadi oleh sebab kira-kira itu telah kita tunjuk barulah pihak tuan kedai itu mengatakan dia telah tersilap. Perkara ini selalu berlaku, apakah tindakan daripada Kementerian ini untuk menjalankan penyiasatan tentang berlakunya penipuan kadar faedah terhadap orang-orang yang menggadai barang?

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, kalau ada terjadi seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi perkara itu boleh dirujuk kepada Kementerian saya dan kami akan mengambil langkah-langkah yang tertentu untuk membatalkan lesen pajak gadai itu.

Tuan Abu Bakar bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa kebanyakan pihak pajak gadai yang telah menerima barang-barang gadaian bila si pemiliknya hendak menebus balik oleh kerana kemiskinan terlewatlah satu atau dua hari, maka pihak yang memberi itu telah menolaknya sahaja. Jadi dengan demikian secara tidak langsung barang tuannya itu luput daripada miliknya.

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini boleh terjadi dan saya haraplah jikalau ada bukti-bukti seperti begitu, saya minta kerjasama Ahli Yang Berhormat supaya dapat melapurkan kepada Kementerian saya.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Yang Berhormat Menteri ada mengatakan dalam jawabannya bahawa Menteriannya akan mengkaji semula sistem pentadbiran pajak gadai. Jadi soalan saya ialah adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa sistem tender membeli dan menyewakan pajak gadai pada masa sekarang didapati orang-orang itu sahaja yang dapat tiap-tiap kali tender dikeluarkan. Jika sedar, apakah cara supaya

peluang-peluang menjalan dan menguruskan pajak gadai ini dapat diberikan kepada orang lain?

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini boleh timbul sebab tidak banyak orang suka berniaga pajak gadai.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya dua perkara:

- (1) Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa tender yang diambil di-saat akhir ini dengan harga yang terlampau murah oleh seluruh pemegang pajak gadai di negara kita jika dibandingkan dengan tender yang diambil di masa yang lalu?
- (2) Adakah Yang Berhormat sedar bahawa kedudukan sekarang ada kejadian-kejadian di mana jika gadaian itu dengan harga \$100 ke bawah pihak pemegang pajak gadai apakala sampai tempohnya tidak membuat lelong bahkan pihak pemegang pajak gadai sahaja menjual dengan sendirinya tanpa lelong. Adakah Yang Berhormat sedar dan apakah kedua-duanya ada tindakan diambil?

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan yang pertama, saya sedar tentang hal ini kerana kebanyakan tender yang dikeluarkan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri selalu tidak dapat diterima oleh kerana tawaran pihak pajak gadai terlalu rendah. Jadi Kerajaan terpaksa menggezet lagi supaya dipinda baru.

Soalan yang kedua yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu saya tidak berapa jelas apa yang dimaksudkannya.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa sekarang ada kejadian-kejadian di mana jika gadaian itu atau pajakan itu hanya bernilai \$100 ke bawah apakala sampai tempohnya maka pemegang pajak gadai menjual sahaja barang itu dengan tidak dilelong sebagaimana dahulu dilelong walaupun \$50.

Tan Sri Ong Kee Hui: Saya tidak sedar tentang hal ini. Jikalau ada kejadian sebegitu saya harap Ahli Yang Berhormat boleh berhubung dengan Kementerian saya.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut peraturan yang ada sekarang tempoh untuk dilelapkan ataupun dihapuskan barang itu hanya 6 bulan sahaja. Jadi dengan tempoh 6 bulan ini maka banyaklah penggadai-penggadai ini keciwa dengan sebab kadang-kadang tidak dapat diikhtiarkan dalam tempoh itu. Adakah Yang Berhormat Menteri bercadang untuk melanjutkan lagi syarat tempoh ini kepada 8 bulan ataupun 10 bulan pada masa akan datang?

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, rasa saya perkara seperti ini adalah di antara pajak gadai dengan si pemajak itu.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya hendak buat sedikit pesanan. Saya perhatikan dalam masa-masa yang lampau ini dalam Dewan ini waktu membuat ucapan-ucapan ramai Ahli-ahli Yang Berhormat menggunakan huruf ringkas (initial), merujuk kepada nama Lembaga ataupun Badan. Penyata Rasmi Dewan ini akan dicetak dan kita akan pusakai kepada anak cucu cicit kita kelak, barangkali 10, 20, 30 tahun lagi; Badan termaklum itu pun barangkali sudah tidak ada. Jadi saya hendak buat ruling sebagai panduan akan datang, ruling ini saya harap akan dipatuhi, dalam ucapan, misalannya, sekurang-kurangnya bagi kali pertama itu sebut nama penuh, kemudian kalau hendak gunakan initial itu bolehlah sebut initial, melainkan huruf-huruf ringkas itu ialah nama-nama Lembaga yang memang telah masyhor pada sisi Kerajaan seperti RISDA, FIMA ataupun K.W.S.P., itu tidak mengapa. Umpamanya badan-badan baru seperti dalam pertanyaan No. 6 tadi saya sendiri tidak tahu apa K.D.C. itu, barangkali tidak ramai Ahli-ahli Yang Berhormat yang tahu apa K.D.C. itu, nama badan yang mana K.D.C. itu. Jadi, saya buat ruling untuk dipatuhi oleh setiap Ahli-ahli Yang Berhormat pada masa membuat pertanyaan ataupun di dalam ucapan. Sekurang-kurangnya dalam ucapan bagi kali pertamanya sebut nama penuh dahulu kemudiannya bolehlah gunakan initialnya.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Kewangan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga Rang Undang-undang Perbekalan, 1976 telah dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan dan Usul Pembangunan diluluskan.

Dr Sulaiman Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga Rang Undang-undang Perbekalan, 1976 telah dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan dan Usul Pembangunan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1976

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN SEMENTARA, 1976

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas Rang Undang-undang Perbekalan, 1976 dan Anggaran Pembangunan Sementara, 1976 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis. (10hb Disember, 1975).

Majlis Mesyuarat menjadi Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, usul yang baharu sebentar tadi diluluskan mustahak dibawa kepada Dewan pada

petang ini oleh sebab wajib perbincangan berkenaan dengan Anggaran Belanjawan tahun 1976 diselesaikan pada hari ini juga. Jika sekiranya sampai tempoh kita patut tangguhkan mesyuarat pada pukul 6.30 petang belum lagi selesai, maka dengan lulusnya usul ini bolehlah kita panjangkan mesyuarat sehingga selesai. Sebaliknya pula, kalau sekiranya kita tamatkan dahulu daripada pukul 6.30, satu usul lagi akan dibawa oleh seorang Menteri mohon supaya Dewan ini ditangguhkan, dengan itu dapatlah Ahli-ahli Yang Berhormat yang datang dari jauh balik ke kampung masing-masing bersukaria dan berhari raya dengan sanak saudara dan keluarga semua, terima kasih.

Pada hari ini ada dua lagi Kementerian yang kita hendak bicarakan iaitu Kementerian Kerja Raya dan Pengangkutan. Saya dengan sukacitanya mempersilakan Yang Berhormat Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan mengemukakan cadangan-cadangan di bawah Kepala B. 64 dan B. 65 dan Kepala P. 64 dan P. 65.

Kepala B. 64 dan B. 65 (Jadual)

Kepala P. 64 dan P. 65 (Anggaran Pembangunan Sementara, 1976)—

3.02 ptg.

Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Pengerusi, saya bangun memohon supaya perbelanjaan yang disenaraikan di bawah Kepala B. 64 dan Kepala P. 64 bagi Kementerian Kerja Raya dan Pengangkutan berjumlah \$452,970,080 dan juga Kepala B. 65 dan P. 65 bagi Jabatan Pengangkutan berjumlah \$8,654,700 untuk tahun 1976 diluluskan.

Kementerian Kerja Raya dan Pengangkutan bertanggungjawab atas tugas-tugas Kerja Raya dan Pengangkutan. Dalam bidang Kerja Raya, Kementerian ini bertanggungjawab membina infrastruktur yang diperlukan bagi kemajuan dan pembangunan ekonomi negara, seperti jalanraya, jambatan-jambatan, lapangan terbang, kerja air, di samping memenuhi keperluan pembinaan bangunan-bangunan Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan lain. Untuk menjamin hasil-hasil kerja yang bermutu Kementerian ini menceburkan diri dalam bidang rekabentuk dan penyelidikan dan juga menyediakan perkhidmatan jentera.

Dalam bidang Pengangkutan pula tanggungjawab Kementerian ini adalah berkaitan dengan pelesenan, rayuan dan undang-undang pengangkutan dan juga keselamatan jalanraya. Dalam bidang keselamatan Jalanraya, Kementerian ini bertujuan untuk mendidik (educate) pengguna Jalanraya atas keselamatan jalanraya. Untuk mencapai tujuan ini Kementerian ini menjalankan kempen Keselamatan Jalanraya yang sehingga masa ini dibuat secara umum untuk semua lapisan pengguna jalanraya. Adalah menjadi aspirasi Kementerian ini untuk meluaskan kempen secara berkesan kepada penuntut-penuntut sekolah.

Untuk memenuhi tugas-tugas pada tahun 1976 ini, Kementerian ini memerlukan peruntukan-peruntukan Bekalan dan Pembangunan seperti tersenarai di bawah Kepala-kepala B. 64 dan P. 64 dan juga B. 65 dan P. 65.

Kepala B. 64

Dengan mengambil Kepala B. 64 dahulu jumlah peruntukan yang diminta ialah \$73,778,800. Jumlah ini menunjukkan tambahan sebanyak \$7.1 juta jika dibandingkan dengan peruntukan untuk tahun 1975 iaitu sebanyak \$66,711,650. Tambahan ini diperlukan untuk membiayai perbelanjaan yang sudah lazim meningkat dari setahun ke setahun sebagai memenuhi tuntutan-tuntutan berbagai perkhidmatan yang dibebankan ke atas Kementerian ini yang mana dari setahun ke setahun kian bertambah selaras dengan pesatnya negara maju dan membangun.

Jumlah yang diminta di atas adalah dikehendaki bagi membiayai perkara-perkara berikut:

6.1: Pecahan-kepala 1100, 1200 dan 1300—Gaji

Di bawah Pecahan-kepala Gaji peruntukan sebanyak \$22,303,030 adalah diminta. Jumlah ini menunjukkan tambahan sebanyak \$1 juta jika dibandingkan dengan peruntukan untuk tahun 1975 iaitu \$20,577,020. Tambahan ini juga dikehendaki untuk membiayai gaji kakitangan-kakitangan yang telah bertambah dalam melaksanakan projek-projek yang kian bertambah di samping membiayai kenaikan gaji tahunan pekerja-pekerja yang sedia ada.

6.2: Pecahan-kepala 2800—Perkhidmatan Pelbagai

Untuk perkhidmatan pelbagai peruntukan sebanyak \$46,146,950 adalah dikehendaki. Peruntukan ini juga dibandingkan dengan peruntukan tahun 1975 iaitu \$41,962,350 menunjukkan tambahan sebanyak \$4.2 juta. Tambahan ini adalah diperlukan untuk perkhidmatan-perkhidmatan penyelenggaraan yang dijalankan oleh Kementerian. Kerja-kerja penyelenggaraan yang dijalankan adalah seperti penyelenggaraan Jalanraya Persekutuan, lapangan terbang, kerja-kerja letrik di bangunan-bangunan Kerajaan Persekutuan dan juga alat-alat jentera dan kelengkapan berat.

6.3: Pecahan-kepala 2100—Perjalanan dan Pengangkutan Orang

Peruntukan sebanyak \$698,900 adalah diminta untuk Pecahan-kepala ini. Peruntukan ini diminta untuk membolehkan Pegawai-pegawai Kementerian dan Ibu-pejabat J.K.R. menjalankan tugas-tugas resmi di luar pejabat dan di luar Wilayah Persekutuan.

6.4: Pecahan-kepala 2200—Pengangkutan Barang-barang

Di bawah Pecahan-kepala ini peruntukan sebanyak \$87,900 adalah diminta untuk mengangkut barang-barang.

6.5: Pecahan-kepala 2300—Kemudahan Perhubungan

Peruntukan sebanyak \$215,850,000 adalah diminta.

6.6: Pecahan-kepala 2400—Api, Air, Letrik dan Lain-lain

Peruntukan sebanyak \$864,500 adalah diperlukan untuk membiayai bil-bil air, api dan sebagainya untuk Kementerian Kerja Raya dan Pengangkutan dan juga untuk bangunan-bangunan guna sama di seluruh Semenanjung Malaysia.

6.7: Pecahan-kepala 2500—Sewaan

Peruntukan sebanyak \$25,530 adalah diminta di bawah Pecahan-kepala ini untuk tujuan pelbagai penyewaan seperti alat mesin N.C.R. dan lain-lain.

6.8: *Pecahan-kepala 2600—Perkhidmatan Percetakan*

Peruntukan sebanyak \$114,300 adalah diminta untuk Perkhidmatan Percetakan yang termasuk antara lain mesin-mesin untuk tiga rumah tol di Semenanjung Malaysia.

6.9: *Pecahan-kepala 2700 — Bekalan-bekalan air dan bahan-bahan*

Peruntukan sebanyak \$705,200 adalah diminta untuk memberi bekalan-bekalan air dan bahan-bahan untuk kegunaan Kementerian Kerja Raya dan Ibupejabat J.K.R.

6.10: *Pecahan-kepala 3300—Perabut, alat-alatan dan ternakan*

Peruntukan sebanyak \$1,754,050 adalah diminta untuk membeli alat-alat jentera dan letrik dan juga perabut-perabut.

6.11: *Pecahan-kepala 4100—Pemberi Subsidi caruman-caruman*

Peruntukan sebanyak \$31,890 adalah diminta untuk memberi subsidi caruman-caruman.

6.12: *Pecahan-kepala 5100—Pembayaran balik*

Peruntukan yang diminta bagi Pecahan-kepala ini adalah sebanyak \$150,000 dan peruntukan ini adalah akan digunakan untuk pembayaran balik bagi alat-alat jentera yang telah dihapus kira.

Kepala P. 64

Kepala P. 64 menyenaraikan peruntukan-peruntukan yang diminta untuk kerja-kerja pembangunan oleh Kementerian ini. Rancangan-rancangan yang disenaraikan adalah disediakan untuk memenuhi keperluan negara untuk mendapat perkhidmatan pelbagai yang lebih baik dan teratur supaya kegiatan-kegiatan nasional di bidang ekonomi boleh mencapai kemajuan yang dicita-citakan. Kerja-kerja untuk perlaksanaan rancangan-rancangan ini telahpun bertambah dalam Rancangan Malaysia Kedua iaitu tahun 1971-1975 dan diduga akan berlipat ganda di dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga yang bermula pada tahun hadapan. Jumlah peruntukan yang diminta untuk Kepala P. 64 ialah \$379,199,180.

JALANRAYA DAN JAMBATAN

Seperti di tahun-tahun yang lepas jumlah peruntukan yang tinggi sekali di bawah Pecahan-kepala Pembangunan Kementerian ini adalah untuk Jalanraya dan Jambatan. Jumlah peruntukan ialah sebanyak \$222,150,060 iaitu dipecahkan seperti berikut:

Semenanjung Malaysia	\$199,450,040
Sarawak	\$ 10,700,010
Sabah	\$ 12,000,010

Bagi tahun 1976 peruntukan \$222,150,060 adalah diminta untuk melanjutkan usaha-usaha Kementerian ini dalam memenuhi matlamat-matlamat yang berkaitan dengan program Jalanraya dan Jambatan, iaitu mewujudkan satu infrastruktur pengangkutan yang dapat memenuhi kehendak-kehendak perkembangan pertanian dan perindustrian dalam proses pembangunan negara. Di samping itu program Jalanraya dan Jambatan mengambil perhatian yang sungguh-sungguh supaya masyarakat seluruhnya menikmati faedah daripadanya dan di samping itu menentukan rangkaian jalanraya yang sedia ada diselenggarakan begitu cara sehingga ia mendorong wujudnya perjalanan dan pengangkutan yang selamat.

Untuk mencapai matlamat-matlamat seperti yang tersebut di atas Kementerian ini mengambil langkah-langkah yang boleh direngkaskan seperti berikut:

- (1) Menyelenggara dan membaiki jalanraya;
- (2) Membina jalanraya-jalanraya baru;
- (3) Membaiki dan membina jalan-jalan dalam kawasan-kawasan pembangunan istimewa rancangan-rancangan kemajuan tanah;
- (4) Mengeluarkan pemberian-pemberian kewangan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dan Tempatan;
- (5) Menjalankan penyelidikan dan menyediakan rekabentuk kejuruteraan.

Kerja penyelenggaraan dan pembaikan yang meliputi semua jalanraya di Semenanjung Malaysia adalah seperti yang terdapat di bawah Pecahan-kepala 1, 2, 3 dan 4. Jumlah peruntukan untuk Pecahan-pecahan

Kepala ini ialah sebanyak \$35.3 juta. Di antara kerja-kerja membaiki jalan yang diusahakan melalui peruntukan tersebut di atas ialah:

- (1) Membaiki jalan di antara Tambak Johor hingga Batu 6 $\frac{3}{4}$ di mana dikehendaki peruntukan sebanyak \$4.1 juta;
- (2) \$1 juta adalah dikehendaki untuk membaiki jalan Air Hitam/Segamat;
- (3) Membaiki jalan di antara Alor Setar/Jitra dan sempadan Thailand (antara batu 12 hingga batu 24);
- (4) Membaiki bahagian di Jalan II di antara Pelabuhan Klang hingga Kuantan dan ini termasuk membina jambatan baru Klang "viaduct" (\$4.5 juta), membaiki Jalan Kuantan Bypass (\$4.5 juta), dan membaiki Jalan North Klang Strait \$2 juta).
- (5) Membaiki jalan di antara Kuala Trengganu dan Kota Bharu iaitu di antara Batu 44 hingga Batu 53 dan juga bagi membina Jambatan Jerneh yang baharu (High Level) sebanyak \$2 juta akan digunakan bagi pembinaan jambatan Kuala Selangor dan ini termasuk "Town Bypass".

Aktiviti yang kedua ialah dengan cara membina jalan-jalan baharu dan ini merupakan perkara yang tidak asing yang tidak perlu saya huraikan. Namun begitu jikalau Ahli-ahli Yang Berhormat ingin juga mengetahui sedikit sebanyak saya kemukakan di sini yang besar-besarnya sahaja iaitu:

- (1) Pecahan-kepala 5—Jalan Lintas dan Jalan Besar Kuala Lumpur yang menelan belanja \$5,700,000. Peruntukan ini adalah dikehendaki bagi membiayai kerja-kerja pembinaan 2 "viaduct" yang dibina di Jalan Sg. Besi dan Jalan Loke Yew.
- (2) Pecahan-kepala 6—Projek-projek jalanraya baru yang mengandungi 6 projek besar yang menelan belanja \$120.1 juta. Di antaranya ialah:
 - (i) Jalan Kuala Lumpur/Karak—\$40 juta;
 - (ii) Bahagian-bahagian tertentu pada Jalan I—\$40 juta;
 - (iii) Jalan Besar Petaling Jaya/Kuala Lumpur dan sambungan-sambungan—\$20 juta;

(iv) Jalan Kuantan/Segamat — \$20 juta;

(v) Jalan Baru, Jambatan Mentakab/Batu Balik/Pekan—\$100,000.

(vi) Jalan Pantai Barat/Sungai Perak/Lumut—Peruntukan Tanda \$10;

(3) Di bawah Pecahan-kepala II—Jalanraya Timur/Barat, kerja-kerja yang terlibat di dalamnya ialah:

(i) Kerja-kerja pembinaan sebanyak \$30 juta;

(ii) Jentera-jentera di mana peruntukan tanda \$10 sahaja diminta.

Aktiviti yang ketiga dalam meninggikan lagi mutu jalanraya di negara ini, ialah dengan memberi grant kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan untuk membaiki jalan-jalan yang terdapat di bawah jagaan mereka. Peruntukan sebanyak \$2.3 juta diminta untuk perkara ini.

Aktiviti yang keempat untuk mencapai matlamat-matlamat jalan yang tinggi mutunya ialah membuat penyelidikan dalam bentuk kajian kemungkinan dan juga mereka-bentuk untuk pembinaan jalan baharu. Peruntukan lebihkurang \$1.6 juta.

Daripada analisa yang diberikan di atas, jumlah yang dikehendaki untuk Semenanjung Malaysia dalam bidang kerja-kerja pembangunan jalan-jalanraya dan jambatan ialah sebanyak \$119,450,040.

SARAWAK

Sarawak merupakan satu negeri yang ketinggalan dalam pembangunan jalanrayanya. Oleh yang demikian demi untuk memajukan negeri tersebut dan untuk membuka kawasan-kawasan baharu bagi pembangunan maka jalanraya-jalanraya yang baru perlulah diwujudkan. Oleh itu Kementerian ini telah banyak menekankan kepada pembinaan jalanraya-jalanraya baru di samping membaiki jalanraya-jalanraya besar yang sedia ada. Ini dapat ditunjukkan seperti Pecahan-kepala 40 di mana \$5 juta diperlukan untuk pembinaan jalan baharu iaitu jalan besar. Kerja membaiki lain-lain jalanraya besar di bawah Pecahan-kepala 41 memerlukan \$4 juta. Jalan-jalan pembangunan bagi membuka kawasan baharu di bawah Pecahan-kepala 43 memerlukan \$1.5 juta.

SABAH

Sabah juga merupakan sebuah negeri yang baru membangun dan infrastruktur jalanrayanya baharu sahaja dipergiatkan. Oleh itu Sabah memerlukan peruntukan yang begitu besar untuk pembinaan jalanraya-jalanraya besar seperti ditunjukkan di bawah Pecahan-kepala 51 di mana ia memerlukan \$11,800,000. Untuk memudahkan pembinaan jalan-jalan baharu yang siap mengikut cara-cara yang sempurna penyiasatan dan penyelidikan perlu dibuat dan untuk ini Pecahan-kepala 53 memerlukan \$300,000.

BEKALAN AIR

Kementerian ini juga melaksanakan program perbekalan air. Dalam hal ini Kementerian merupakan badan yang bertanggungjawab untuk membekalkan air untuk menunaikan keperluan air yang semakin meningkat dalam kawasan-kawasan badan dan kawasan-kawasan perumahan di samping mengadakan kemudahan-kemudahan bekalan air di Rancangan Kemajuan Tanah seperti rancangan-rancangan untuk FELDA, Pahang Tenggara, Johor Tenggara, Jengka Tiga Segi dan Trengganu Tengah. Kementerian ini juga meneruskan usaha penyelidikan membekalkan air yang bersih kepada pengguna-pengguna yang semakin ramai itu.

Perlaksanaan projek-projek bekalan air merupakan usaha negeri-negeri. Oleh itu kebanyakan peruntukan yang diminta untuk pembangunan program Bekalan Air merupakan peruntukan pinjaman. Jumlah peruntukan pinjaman yang diperlukan untuk melaksanakan projek bekalan air negeri-negeri ialah:

Semenanjung Malaysia ...	\$41,911,050
Sarawak	\$ 1,500,000
Sabah	\$ 2,500,000

Di samping itu Kementerian ini juga bertanggungjawab untuk menjalankan projek-projeknya sendiri seperti projek-projek di dalam rancangan-rancangan tanah L.K.T.P. di mana peruntukan secara langsung diminta iaitu sebanyak \$12,310,000 untuk Semenanjung Malaysia. Sabah dan Sarawak tidak memerlukan apa-apa peruntukan secara langsung.

Projek-projek besar di Semenanjung Malaysia yang patut saya sebutkan di sini ialah antara lain:

Pecahan-kepala 85—Bekalan Air Kinta Peringkat II sebanyak \$10 juta. Projek ini akan menambahkan bekalan air di Perak Hilir menjadikan 40 juta gelen sehari untuk membekalkan air ke bandar Ipoh dan kawasan-kawasan sekitarnya. Adalah dijangka dengan siapnya rancangan ini bekalan air akan mencukupi untuk menampung kehendak-kehendak penduduk sekitarnya sehingga tahun 1992.

Pecahan-kepala 91—Rancangan Bekalan Air Baru Kuala Lumpur Peringkat II. Sebanyak \$7 juta adalah diminta untuk menyiapkan projek yang dapat membekalkan air sebanyak 28 juta gelen sehari.

Pecahan-kepala 95, iaitu bekalan air Kuala Trengganu. Peruntukan sebanyak \$4,119,000 adalah diminta. Ini adalah bertujuan untuk mengadakan rancangan bekalan air ke kawasan ini yang akan dapat mengeluarkan 3 juta gelen sehari.

Sebanyak \$4.1 juta adalah dikehendaki bagi rancangan-rancangan bekalan air Negri Sembilan. Ini adalah untuk menjalankan projek-projek bekalan air Johor/Gemencheh/Batang Melaka, bekalan air Kuala Pilah Barat dan Bekalan air Ladang Gedis.

Peruntukan secara langsung yang diminta adalah sebanyak \$12,310,000 yang termasuk:

Pembiayaan bagi rancangan-rancangan bekalan air L.K.T.P. iaitu sebanyak \$10 juta. Rancangan ini adalah untuk membekalkan air ke tiap-tiap rumah peserta yang terdapat di kawasan L.K.T.P.

SARAWAK

Bagi negara Sarawak peruntukan sebanyak \$1,500,000 adalah diminta bagi Pecahan-kepala 106 iaitu untuk membekalkan air ke kawasan Kuching, Sibu, Miri, Sarikei dan Simanggang.

Di bawah projek bekalan air Kuching, kerja-kerja pembinaan akan dijalankan untuk mengeluarkan bekalan air sebanyak 6 juta gelen sehari di Batu Kitang. Projek meluaskan bekalan air Sibu akan mempunyai keupayaan mengeluarkan bekalan air sebanyak 4 juta gelen sehari.

SABAH

Bagi negeri Sabah pula peruntukan yang diminta adalah sebanyak \$2.5 juta di mana ini adalah untuk digunakan bagi rancangan-rancangan bekalan air kecil, bekalan air Kota Kinabalu Peringkat yang Kedua sambungan bekalan air Kudat/Sikuati dan sambungan bekalan air Sempurna.

BANGUNAN-BANGUNAN KERAJAAN (selain daripada perumahan)

Kementerian ini juga dibebankan dengan tugas-tugas untuk menjalankan aktiviti-aktiviti merancang, merekabentuk, membina dan menyelidik pembinaan dan penyelenggaraan bangunan-bangunan dan rumah-rumah kediaman Kerajaan Persekutuan. Adalah menjadi dasar Kerajaan untuk menempatkan semua pejabat-pejabat Kerajaan dalam bangunan-bangunan mereka sendiri. Dasar ini bertujuan untuk menjimatkan hasil negara daripada digunakan untuk membayar sewa yang tinggi untuk menempatkan jabatan-jabatan yang pada masa ini tidak mempunyai bangunannya sendiri. Di samping itu Kementerian ini juga bertanggungjawab untuk melaksanakan beberapa projek pembangunan Kerajaan selain daripada bangunan-bangunan pejabat seperti Arkib Negara dan juga menjalankan kerja-kerja merancang, mereka, menyelidik, membina dan mengawas pembinaan untuk Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan lain seperti Pelajaran, Polis, Tentera dan Kesihatan.

Untuk mencapai matlamat menempatkan semua jabatan Kerajaan dalam bangunan-bangunannya sendiri, peruntukan pembangunan yang diperlukan bagi rancangan pembinaan Pejabat-pejabat Kerajaan Persekutuan berjumlah sebanyak \$38,668,000 untuk tahun 1976 adalah diminta. Di antara projek-projek besar yang akan dibiayai daripada peruntukan ini ialah:

Pecahan-kepala 122—Pejabat-pejabat Baru Kerajaan Persekutuan di luar Wilayah Persekutuan berjumlah sebanyak \$15 juta. Pejabat-pejabat Kerajaan ini akan dibina di:

- (i) Seremban 13 tingkat;
- (ii) Kota Bharu 13 tingkat;
- (iii) Kuantan 13 tingkat;
- (iv) Kuala Trengganu 13 tingkat;

(v) Melaka 14 tingkat;

(vi) Johor Bahru 14 tingkat;

(vii) Alor Star 14 tingkat.

Di bawah Pecahan-kepala 123, Pejabat-pejabat Baharu Kerajaan Persekutuan \$20 juta di antara projek-projek ini termasuk pembinaan Kompleks Jabatan Perdana Menteri Bahagian Yang Kedua, Jalan Datuk Onn, Kementerian Kerja Raya dan Pengangkutan, Jalan Tun Ismail; Pejabat Perbendaharaan, Biro Siasatan Negara, Pejabat Imigresen, Jalan Duta; Kementerian Pelajaran, Jalan Duta dan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, Jalan Duta.

Satu lagi pembinaan yang besar ialah membesarkan Institut Tadbiran Awam Negara di bawah Kepala 126 sebanyak \$1,800,000. Bangunan yang ada sekarang ini tidak memadai untuk menampung peserta-peserta kursus yang makin meningkat jumlahnya dari setahun ke setahun untuk menghadiri kursus dalam berbagai-bagai perkara yang berkaitan dengan pentadbiran pembangunan.

SARAWAK

Sarawak memerlukan peruntukan sebanyak \$1.35 juta bagi keperluan-keperluan berikut:

- (i) Pecahan-kepala 140—Meminda dan membaharui bangunan Kerajaan Persekutuan—\$50,000.
- (ii) Pecahan-kepala 141—Bangunan Kerajaan Persekutuan di Kuching—\$300,000.
- (iii) Pecahan-kepala 142—Bangunan Kerajaan Persekutuan di luar Kuching seperti Simanggang, Sibul, Kapit, Sarikei dan Miri—\$1 juta.

(Tuan Mohd. Azahari bin Md. Taib *memperkerusikan Jawatankuasa*)

SABAH

Sabah memerlukan peruntukkan sebanyak \$1,070,020 untuk memenuhi keperluan-keperluan bangunan-bangunan Persekutuan di negeri ini. Antara projek yang terbesar di bawah peruntukan ini ialah:

- (i) Pecahan-kepala 151—Membina Pejabat Kerajaan Persekutuan di Kota Kinabalu—\$1 juta.

- (ii) Pecahan-kepala 152—Bangunan-bangunan Kecil Persekutuan—\$50,000.
- (iii) Pecahan-kepala 153—Membina dan membaiki bangunan Persekutuan—\$20,000.

BANGUNAN PERUMAHAN

Dalam program pembinaan, Kementerian ini juga bertanggungjawab menyediakan rancangan-rancangan perumahan untuk kakitangan-kakitangan Kerajaan. Jumlah peruntukkan yang diminta bagi Semenanjung Malaysia di bawah rancangan ini ialah sebanyak \$4,000,010. Daripada peruntukan ini, \$2,500,000 adalah diperlukan untuk Pecahan-kepala 185 di mana projek rumah pangsa bagi pegawai-pegawai Kerajaan di Kuala Lumpur dan bandar-bandar lain akan dibina. Di antaranya ialah rumah pangsa setinggi 16 tingkat di Jalan Pudu.

Untuk meringankan beban pekerja-pekerja tingkat rendah pula Kerajaan telah melancarkan rancangan-rancangan perumahan bagi mereka yang menelan belanja sebanyak \$0.5 juta. Disebabkan bertambahnya pegawai-pegawai Persekutuan bertugas di Sarawak dan Sabah, peruntukkan sebanyak \$1,000,000 adalah dikehendaki bagi membina rumah-rumah kediaman Persekutuan di Sarawak dan \$850,000 bagi Negeri Sabah.

JENTERA-JENTERA KERJA RAYA

Selain daripada program-program seperti yang disebutkan di atas, untuk melicinkan projek-projek pembangunan seperti pembinaan jalanraya, bangunan dan bekalan air, Kementerian ini bertugas membekalkan jentera-jentera untuk melicinkan kerja-kerja pembinaan. Bagi Semenanjung Malaysia Kementerian ini berkehendakkan sebanyak \$34,900,010 sementara di Sarawak pula sebanyak \$7,700,000 dan Sabah \$5,200,000.

Bagi Semenanjung Malaysia sebanyak \$3.5 juta adalah dikehendaki bagi Pecahan-kepala 160 iaitu untuk kemajuan kuari. Peruntukan ini adalah untuk digunakan bagi membina 3 kuari pusat yang sedang dibina sekarang ini iaitu Negri Sembilan, Pahang dan Selangor. Jika ketiga-tiga kuari pusat ini siap kelak adalah dijangka bahawa pengeluaran batu pecah akan meningkat 600,000 tan setahun sementara premix sebanyak 300,000 tan setahun. Pada masa ini pengeluaran bagi 9 buah kuari pusat adalah sebanyak 1,500,000 batu pecah

dan premix sebanyak 700,000 tan setahun. Ini menunjukkan tambahan sebanyak di antara 40 hingga 50%.

Untuk pembelian jentera-jentera baru dan alat-alat kelengkapan, peruntukan sebanyak \$30 juta adalah diminta di bawah Pecahan-kepala 161 dan peruntukan ini akan digunakan untuk membeli jentera-jentera baru iaitu untuk menggantikan jentera-jentera yang sudah tidak ekonomi lagi.

Bagi kemajuan Woksyop Letrik, peruntukan sebanyak \$1.4 juta adalah diminta bagi Pecahan-kepala 163 untuk pembinaan woksyop/Pejabat J.K.R. Cawangan Letrik supaya dapat mengambil alih tugas-tugas penyelenggaraan letrik daripada Lembaga Letrik Negara.

SARAWAK

Peruntukan sebanyak \$2.7 juta adalah dikehendaki bagi Pecahan-kepala 170 iaitu kemajuan kuari Sungai Arip di mana ini akan dapat digunakan untuk menyediakan jalan-jalan di Bahagian III, Sarawak. Sebanyak \$5 juta adalah dikehendaki bagi Pecahan-kepala 171 untuk membeli pelbagai jenis alat-alat jentera dan kelengkapan bagi melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan termasuk pembinaan jalan, jambatan, kerja-kerja angkatan tentera, polis, pelajaran dan sebagainya.

SABAH

Peruntukan sebanyak \$7,200,000 adalah dikehendaki bagi Pecahan-kepala 176 dan 177. Bagi Pecahan-kepala 176 Sektor JKR dan Komplek Woksyop peruntukan pinjaman sebanyak \$2 juta adalah diminta bagi tujuan ini. Sementara kemajuan kuari bagi Pecahan-kepala 177 peruntukan sebanyak \$5.2 juta adalah diminta untuk membekalkan permintaan-permintaan untuk pembinaan jalanraya yang bertambah pesat di sana.

Tuan Pengerusi, tanggungjawab Kementerian Kerja Raya dan Pengangkutan yang kedua ialah berkenaan dengan kerja-kerja yang dijalankan oleh Jabatan Pengangkutan. Peruntukan-peruntukan yang diminta untuk tujuan ini seperti disenaraikan di bawah Kepala B. 65 dan P. 65.

Kepala P. 65

Secara kasar peruntukan bekalan untuk tahun 1976 pada keseluruhannya adalah sedikit iaitu sebanyak \$314,420 atau hanya tambahan sebanyak 5% berbanding dengan tambahan yang diperolehi untuk tahun semasa iaitu 13% daripada peruntukan yang didapati untuk tahun 1974. Di bawah ini diperturunkan butir-butir peruntukan bagi Butiran sebagai untuk tahun 1975 dan 1976:

		Anggaran Tahun 1975	Anggaran Tahun 1976	+	-
1100	Gaji dan Upahan	\$4,634,800	\$5,045,125	+	\$410,325
1200	Elaun dan lain-lain Habuan Wang ...	271,100	231,685	-	39,415
1300	Tambahan Gaji Kakitangan	153,200	105,390	-	47,810
2100	Perjalanan dan Pengangkutan Orang ...	324,000	343,000	+	19,000
2200	Pengangkutan Barang-barang	20,000	23,400	+	3,400
2300	Kemudahan Perhubungan	61,300	71,000	+	9,700
2400	Api, Air dan Letrik dan lain-lain ...	41,000	56,000	+	15,100
2500	Sewa	11,600	13,800	+	2,200
2600	Perkhidmatan Percetakan	125,000	173,500	+	48,500
2700	Bekalan dan Bahan-bahan	85,000	159,000	+	74,000
2800	Penyelenggaraan dan Pembaikan yang dibeli	40,000	43,300	+	3,300
2900	Perkhidmatan Ikhtisas dll. Perkhid- matan yang dibeli dan Hospital ...	—	6,400	+	6,400
3200	Kemudahan	—	20,000	+	20,000
3300	Perabot dan Kelengkapan, Alat Keleng- kapan dan Ternakan	289,280	79,000	-	210,280
		<u>\$6,056,280</u>	<u>\$6,370,700</u>	<u>+</u>	<u>\$314,420</u>

Tambahan untuk Emolumen bagi tahun 1976 (Butiran sebagai 1100, 1200 & 1300) adalah tambahan kerana kenaikan gaji tahunan yang tidak dapat dielakkan. Manakala tambahan kepada Butiran sebagai yang lain itu adalah sederhana purata 17% sahaja.

Tambahan kepada Butiran sebagai 2600 sebanyak \$48,500 (39%) itu adalah disebabkan bertambahnya quantiti berbagai-bagai jenis lesen yang perlu dicetak oleh Jabatan Pemetaan Negara. Tambahan pula harga kertas "keselamatan" yang digunakan untuk mengecap lesen-lesen itu telah naik lebih daripada 100% kebelakangan ini. Selain daripada itu borang-borang yang dicetak oleh Jabatan Cetak Kerajaan perlu juga ditambah memandangkan bertambahnya bilangan kenderaan di jalanraya dari setahun ke setahun.

Tambahan kepada Butiran Sebagai 2700 sebanyak \$74,000 atau 87% bolehlah dikatakan banyak. Tetapi, selain daripada alatulis biasa, Jabatan ini memerlukan bahan-bahan lain yang tidak digunakan oleh Jabatan-jabatan lain, seperti Lencana Pemandu, Taxi Plates, Form-post binders, Index Cards, Sampul plastik dan lain-lain yang mana harga barang-barang ini telah naik.

Pengurangan sebanyak \$210,280 atau 73% untuk Butiran Sebagai 3300 adalah disebabkan dalam tahun semasa, Ibu Pejabat ini telah mendapat peruntukan sebanyak \$262,380 untuk membeli 10 buah mesin Lesen Memandu dan 87 Cabinet besi. Ibu Pejabat ini tidak bercadang hendak membeli apa-apa mesin pada tahun hadapan.

Kepala P. 65

Usaha Pembangunan yang dijalankan di bawah Pecahan Kepala ini adalah untuk menampung perkembangan penggunaan kenderaan yang makin meluas akibat pesatnya Negara membangun. Masanya telah tiba di mana kawasan yang dulunya luar bandar telah membangun menjadi kawasan perindustrian dan pertanian yang di samping itu membawa kemampuan kepada orang sekelilingnya memiliki kenderaan bermotor.

Untuk kemudahan mereka itu Kementerian berhasrat untuk membina lebih banyak lagi pejabat R.I.M.V. baru di tempat yang berhampiran kepada pusat-pusat pembangunan yang baru ini. Ini adalah untuk kemudahan pengguna-pengguna kenderaan mendapat dan membaharui lesennya dan membayar cukai-cukai tanpa pergi ke jabatan R.I.M.V. yang berjauhan.

Jumlah yang diminta di bawah Anggaran Pembangunan P. 65 bagi tahun 1976 ialah sebanyak \$2,284,000. Jumlah ini diperlukan untuk pembinaan dan pengambilan tanah bagi Pejabat-pejabat Pendaftar dan Pemeriksaan Kereta-kereta Motor yang akan didirikan di beberapa bandar dalam negara ini seperti berikut:

- (i) Pejabat Baru Pendaftar dan Pemeriksaan Kereta-kereta Motor di Ipoh—\$1 juta;
- (ii) Pejabat Baru Pendaftar dan Pemeriksaan Kereta-kereta Motor di Kuala Trengganu—\$404,000;
- (iii) Pejabat Baru Pendaftar dan Pemeriksaan Kereta-kereta Motor di Alor Setar—\$340,000;
- (iv) Pejabat Baru Pendaftar dan Pemeriksaan Kereta-kereta Motor di Muar—\$500,000

Jumlah \$2,284,000

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B. 64 dan B. 65 dan Kepala Pembangunan P. 64 dan P. 65 terbuka untuk perbahasan.

3.46 ptg.

Dr Tan Chee Khoo (Keping): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk bercakap sedikit sebanyak tentang Anggaran Perbelanjaan

yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan dan di samping saya bercakap dalam Bahasa Malaysia, saya mohon izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin bercakap mengenai Lembaga Pelesenan. Perkara ini telah dibangkitkan beberapa kali di dalam Dewan yang mulia ini dan jawapan daripada Menteri dan Timbalan Menteri ialah segala tindakan telah diambil supaya licence dikeluarkan dengan adil dan saksama. Tetapi malangnya, kalau sekiranya kita bertanya kepada pemandu-pemandu teksi samada di Kuala Lumpur atau di luar Kuala Lumpur boleh dikatakan kebanyakannya marah kepada Lembaga Pelesenan. Ini disebabkan pemandu-pemandu yang benar-benar membawa teksi tidak dapat lesen, tetapi orang yang boleh dikatakan kaya, orang yang dikatakan ada connection mereka dapat bukan sahaja satu lesen untuk sebuah teksi, bahkan sehingga dua, tiga atau empat buah.

(*Dengan izin*) If you take a survey, Mr Chairman, Sir, you will find out that most of the taxi drivers do not own the taxis that they ply. Although I own a car, I often to travel in taxis—and I have been living in Kuala Lumpur since I graduated a quarter of a century ago—and I used to ask the taxi driver, “Encik, kereta ini awak punya atau disewa? I can honestly say that there were only two or three occasions when I found that the taxi driver was the owner of the car. In other words, I would say that 99% of the taxi drivers who earn a living from driving taxis do not own the taxis though they are well qualified to do so. Mereka adalah bekas perajurit, mereka adalah bekas Polis, tetapi mereka kata “Apa boleh buat doktor, tiap-tiap tahun saya ada membuat permohonan dengan sokongan oleh orang ini dan oleh orang itu, semua orang terkenal, tetapi malangnya sehingga hari ini saya tidak dapat lesen untuk membeli sebuah teksi dan terpaksa saya menyewa”.

Now, I would want to make a suggestion to the Honourable Deputy Minister that he should send out a team and find out for himself the truth. If he does so, he will find out that what I have said is true: that more than 99% of the taxi drivers who drive the taxis in Kuala Lumpur and outside of

Kuala Lumpur do not own the taxis but are hiring them. The rates for the hiring of taxis have gone up now. The rate at one time was \$10 to \$12 per day, but now it has gone up to \$16 or \$17 per day. This means that the poor taxi driver finds it more and more difficult to make a living. I would want to make a suggestion that if a person who regularly applies for a licence and if he has all the qualifications that are needed—in other words, he has a driving licence; he has been driving for more than ten years; he is an ex-serviceman or he is an ex-Policeman, etc.—then he should be given priority over others. The question of giving taxi licences to co-operatives—well, the M.C.A. has got its own co-operative—is all a sham, I would say, because we want to get the chap who gets a licence to drive the taxi, bukan sewa, and I hope that if the Licensing Board adopts this new criterion that I have enunciated, there is no doubt that lots of “susah hati” amongst the taxi drivers in Kuala Lumpur will be obviated.

The other thing, of course, although I see there are dangers, is to give more and more taxi licences, particularly in Kuala Lumpur. The present holders of the taxi licences will say that it is no longer economical to run a taxi, but what are we to do in the face of the rising rate of crimes, for example? One should try to provide enough work for the unemployed in this country.

Tuan Pengerusi, sekarang saya hendak sentuh sedikit tentang jalanraya yang disebutkan oleh Timbalan Menteri berkenaan. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kementeriannya dan Jabatan Kerja Rayanya yang telah buat begitu big projects regarding the roads. The Honourable Deputy Minister has mentioned the Kuala Lumpur/Karak Road that would cost, I believe, if I heard him rightly, about \$40 million. Now, if there is one thing that the Government can be proud of, it is the new and better roads that it has provided, and I hope it will continue to provide these, but I wish to bring up a little bit about my own backyard of Kepong. I hope that next year the millions of dollars that the Honourable Deputy Minister has cited will contain a little allocation for the Kepong Road, which the Honourable Deputy Minister knows is cluttered up with traffic. Only yesterday I have been travelling along that road and you have to jog along and for a stretch of 1½ miles from the

roundabout from Jalan Kuching to Desa Jaya, you sometimes take one hour and that raises the temperature of the persons concerned, despite the heavy rain; and, as I have pointed out in this House, in addition to the temperature of the driver being raised, because he has to stop-go, stop-go, he has also to cope with the floods that occur along several stretches along that road. I do hope that the Honourable Deputy Minister will find his way of spending a little out of the millions of dollars that he has mentioned to widen the Kepong Road and to perhaps raise the level of that road in Kepong.

Finally, the question of bridges has been raised in this House and I believe the question of the bridge at Kuala Selangor has also been raised, where work has stopped. I frankly do not know the real reason for it being stopped. But I want to bring to the notice of the Honourable Deputy Minister another bridge where the work has long since stopped, and I refer to the bridge at Mersing. Now, if you drive from Johore Bahru right up to Kota Bharu, the only place where you need to take a ferry is at Mersing. This bridge, I believe, was started way back in August, 1973. Now, we are at the end of 1975 but the bridge is only one-quarter way through. I would suggest to the Honourable Deputy Minister that (1) when his Ministry awards a contract, it really must look into the background of the contractor very carefully before it awards a major contract of this nature; and (2) it really must ruthlessly—and I say the word “ruthlessly” with emphasis because we cannot allow public funds to be wasted by the hundreds of thousands of dollars, if not millions of dollars—cut out all those tenderers who have had no experience whatsoever in building bridges. I do not know the reason for the stoppage of work at Mersing, but when I passed by that way two months ago, Mr Chairman, Sir, I saw the bridge one-quarter way through and hundreds of thousands of dollars must have been spent.

Tuan Pengerusi: Nampaknya ramai Ahli-ahli Yang Berhormat hendak bercakap dan untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat kita akan hadkan lagi masa untuk bercakap. Jadi, pada pukul 5.00 petang diminta Menteri yang berkenaan menjawab. Sekarang saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat bercakap 7 atau 8 minit sahaja.

3.55 ptg.

Tuan Edwin anak Tangkun (Batang Lupar): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk mengalu-alukan wang peruntukan yang diminta oleh Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan di bawah Kepala P. 64, muka surat 435 (Sarawak) dan juga turut sama untuk menarik perhatian bagi memperbaiki dasar kemajuan supaya dapat dijalankan dengan baik dalam tahun-tahun yang lalu.

Tuan Pengerusi, saya bercakap di bawah Pecahan-kepala 40—Pembinaan Jalan-jalan Raya Baru di Sarawak untuk tahun 1976 ini adalah terlampau kecil jika dibandingkan dengan anggaran belanja 1974 dan 1975. Begitu juga Pecahan-kepala 41—Memperbaiki Lain-lain Jalan Raya Besar dan Pecahan-kepala 42—Penyiasatan Jalan Raya dan ketiga-tiga pecahan-kepala itu jauh kurang daripada peruntukan tahun lepas. Pecahan-kepala 43 masih sama Pecahan-kepala 44 tambahan \$10 sahaja dan jumlah pada tahun 1976 sebanyak \$10,700,010 sahaja. Oleh yang demikian, saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Tuan Pengerusi, in view of the Government's decision to switch its priorities from building trunk roads to feeder roads, I feel that it is timely for me to bring this matter up to this Honourable House. I am sure it is the intention of the Government to build better infrastructure facilities in the rural areas. The people of Sarawak, especially those in the remote areas, must be made to feel and see the progress that comes with Independence right to the door-steps of the longhouses and the kampung people, and the construction of feeder roads would help to achieve this end.

Tuan Pengerusi, feeder roads are very important to the rural dwellers, in view of the fact that our Honourable the Prime Minister had publicly stated that the Government wants to see the evolution of a new rural people in this country, and for easy communication and greater mobility for our Security Forces.

Tuan Pengerusi, feeder roads are very necessary for the opening up of agricultural development in line with the New Economic Policy. I hope that the Federal Government will allocate more funds to Sarawak for the

construction of feeder roads, as the people in the remote areas have been left too long out of any benefits from joining Malaysia.

Tuan Pengerusi, in this respect, I would like to draw the attention of the Honourable Deputy Minister of Works and Transport to switch the priorities in road construction programme to the building of rural feeder roads. The construction of feeder roads is more in line with the requirements of the rural community's needs in Sarawak. Creating good rural infrastructure is very necessary if the Government really wants to attract industries to the rural areas. Tuan Pengerusi, I want to mention one specific example.

I refer to the request for a feeder road from Batu Lintang Bazaar to Ulu Undop in my constituency, which provides access to 24 longhouses stretching only 8 miles towards the border with Indonesia. Sir, I spoke several times about this road in this Honourable House but the reply from the Honourable Minister of Works and Transport is that this is a State matter. Tuan Pengerusi, saya tidak puas hati, because when this project was brought up in the State Council Negri, and we asked for funds to construct this road, we were told that there are no funds available from the Federal Government. Therefore, Sir, I do hope that the Honourable Deputy Minister of Works and Transport will not say in his reply that the road is a State matter. The Federal and State Governments must not evade their responsibilities. The people in the area have become the continued victims of such passing of the buck.

Tuan Pengerusi, a request for this Batu Lintang/Undop Road was put forward more than 10 years ago. This project was approved in 1959 and work was then started and in 1964, the road reached Batu Lintang Bazaar.

Tuan Pengerusi, the Second Divisional Development Committee had recommended several times for the construction of this road to the State Development and Planning Committee but until today, there is no road for Ulu Undop people. Tuan Pengerusi, in this respect, I call upon the Government to show its sincerity in helping the people in the rural areas in this country particularly

in Sarawak by subsequently increasing the present allocation amounting to \$10,700,010 for this sub-head under Kepala P. 64.

Lastly, Sir, I hope the Federal Government will consider my suggestion seriously especially in the Sarawak context and thereby assist in our efforts to win the hearts and minds of our rural people for their benefit and the country's gain. The Federal and State Governments should heed more the recommendation of the respective District and Divisional Action Committees for the construction of feeder roads in Sarawak. Sir, we must not forget that Malaysians cannot live with good intention alone but the people including those in the rural areas must be provided with fair benefits from the country's progress.

4.03 ptg.

Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais (Parit):

Tuan Pengerusi, di dalam muka surat 427, Kepala B. 64, Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (2) Rekabentuk dan Penyenggaraan Jalan-jalanraya, Jambatan-jambatan dan Padang-padang Terbang. Adapun kemalangan jalanraya tidak sahaja terletak kepada kesalahan pemandu-pemandu kenderaan tetapi kita harus memikirkan juga tentang jalan-jalanraya yang tidak baik. Adapun jalan-jalanraya yang ada pada masa ini hendaklah diubahsuai keadaannya. Saya katakan begitu bahawa jalan-jalanraya yang lama itu terlampau banyak selekoh yang merbahaya dan jalan-jalanraya tersebut terlampau kecil untuk dilalui. Pokok-pokok yang besar yang ada di tepi-tepi jalanraya hendaklah ditebang, papan-papantanda untuk pengguna jalanraya hendaklah diletakkan dengan lebih baik lagi serta diperbesarkan agar pengguna-pengguna jalanraya dapat memperhatikan daripada jarak jauh lagi.

Berkenaan dengan jambatan-jambatan yang ada di negara kita ini pihak Kementerian ini hendaklah menggantikan jambatan-jambatan yang lama yang mana kebanyakannya sudah tidak sesuai digunakan lagi. Pagar-pagar untuk jambatan eloklah dibuat lebih kukuh lagi. Adapun rumah-rumah api yang ada di pulau-pulau dan di kuala-kuala sungai hendaklah diperbaharui dan dilengkapi dengan alat-alat yang lebih moden lagi. Rumah-rumah api yang hendak diperbaharui itu hendaklah diletakkan di tempat yang sesuai dan di tempat yang tinggi agar kapal-kapal kecil dan nelayan-nelayan kita

dapat membuat pedoman daripada jarak yang lebih jauh lagi. Saya harap perkara ini hendaklah diperhatikan dan juga dilaksanakan dengan seberapa segera.

Tuan Pengerusi, muka surat 444, Kepala B. 65, Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (3) Pemeriksaan Kereta-kereta Motor. Adapun Ordinan Lalulintas Jalan 1958 hendaklah dikaji semula. Mengikut Ordinan tersebut segala kereta-kereta perdagangan sebelum digunakan di jalan-jalanraya dikehendaki terlebih dahulu menjalani pemeriksaan pertama dan selepas itu pemeriksaan biasa, selain daripada itu sekurang-kurangnya dua kali setahun ataupun tiap-tiap 6 bulan sekali. Saya rasa tiap-tiap 6 bulan sekali kita ubah kepada tiap-tiap 4 bulan sekali dan tiap-tiap satu tahun tiga kali pemeriksaan. Seringkali kita terjumpa lori-lori yang sudah buruk dan bas-bas yang sudah buruk masih lagi berjalan di jalan-jalanraya, kadangkala kereta-kereta tersebut mengganggu lalulintas jalanraya. Saya harap pihak Kementerian dapat menimbangkan perkara ini dan memerhatikan perkara-perkara yang saya katakan itu.

Di dalam Aktiviti (4) Pengujian dan Pelesenan Pemandu-pemandu, walaupun pihak yang berkenaan menggunakan sistem mengeluarkan dan membaharui lesen-lesen memandu dengan mesin pada masa ini masih lagi terdapat kelambatan untuk kita membaharui lesen-lesen memandu. Saya harap mesin-mesin tersebut hendaklah diperbanyakkan agar kita tidak lagi menunggu begitu lama.

4.08 ptg.

Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin (Jasin):

Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong peruntukan yang telah diberi kepada Kementerian Kerja Raya dan Pengangkutan sebanyak \$461.6 juta. Saya juga mengucapkan berbilang terima kasih kepada kerajaan yang telah dibuat oleh Jabatan Kerja Raya yang telah dapat melaksanakan segala pelaksanaan dasar Kementerian yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh satu-dua perkara, terutama sekali saya bercakap berkenaan dengan Kepala P. 65, Pecahan-kepala 1—Pejabat Baru yang telah diberikan peruntukan sebanyak \$2.28 juta kepada Kementerian yang berkenaan. Saya suka juga menarik perhatian kepada Kementerian yang

berkenaan memandangkan beberapa kemaraan dari segi pengangkutan, pemeriksaan, pelesenan dan sebagainya samada kereta motor dan juga lori, saya fikir perlulah pihak Kementerian ini mengadakan satu pejabat yang baru. Berhubung dengan Pejabat Pemeriksa Kereta Motor Melaka dan Johor Utara yang terletak di Melaka yang saya rasa bangunan itu hampir-hampir 100 tahun lamanya sedang digunakan sekarang dan memandangkan kepada segi kesulitan-kesulitan bila mana sampai masa pemeriksaan kereta motor dan lori yang datang daripada Johor Utara dan seterusnya seluruh Melaka sehingga tidak ada tempat, sampai diletakkan di luar jalanraya sehingga boleh melibatkan lalu-lintas jalan belakang Pejabat Pengangkutan Jalanraya Negeri Melaka itu. Dengan ini saya mengharapkan sungguh-sungguh supaya Kementerian yang berkenaan dapat menyegerakan pembinaan Pejabat Pengangkutan baru di Negeri Melaka yang telah sedia rasa saya berhubung dengan tanah telah siap, iaitu di Cheng dan hanya menunggu perlaksanaan pembinaan pejabat tersebut. Dengan ini jika sekiranya lambat dibina pejabat itu memandangkan kepada kemaraan-kemaraan ini boleh menjadikan satu kesusahan dan ada kadangkala lori dan kereta juga hendak membuat pemeriksaan itu terpaksa bertangguh, kalau dijadualkan pada minggu ini ada kemungkinan terlewat kerana kebanyakannya sesak, tempat tidak ada samada timbang lori dan sebagainya. Jadi dengan ini saya harap kerja-kerja pembinaan pejabat baru Kenderaan Motor Negeri Melaka dapat disegerakan oleh Kementerian yang berkenaan.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh Kepala B. 65, Pecahan-kepala 1100 Aktiviti (4) berhubung dengan Pengujian dan Pelesenan Pemandu-pemandu. Tuan Pengerusi, memandangkan segi lesen-lesen yang diberi kepada pemandu-pemandu kereta motor dan motosikal keterlaluan berleluasa iaitu sehinggakan ada setengah-setengah pelajar Sekolah-sekolah Menengah yang berumur 16, 17, 18 dan 19 tahun telah diberi lesen memandu kereta. Jadi, dengan ini saya nampak dengan adanya lesen yang berleluasa diberi kepada mereka yang belum berumur 21 tahun ke atas maka pelajar-pelajar ini bilamana dia dapat lesen dan berlaku kemalangan, bila ditengok lesen-lesen itu baru satu dua bulan dan pemandu itu baru berumur dalam 19 tahun ataupun 20

tahun sahaja. Dengan ini dia kurang bertanggungjawab dalam masaalah menggunakan lesen pemandu kereta dan motosikal dan membanyakkan kemalangan-kemalangan yang sedia berlaku. Oleh itu, saya mengharapkan pihak Kementerian mengkaji semula dalam masaalah pemberian lesen ini hendaklah ada mempunyai had umur iaitu 21 tahun ke atas baru diberi permanent licence. Bagi mereka yang berumur 21 tahun ke bawah sehingga 18 tahun ataupun 17 tahun hendaklah diberi lesen juga tetapi hendaklah ditaruh "L" besar-besar supaya dia sentiasa berjaga dan bersedia, dan tidak dapat berbuat seterusnya mengikut sebagaimana lesen yang diberi sekarang iaitu permanent licence ertinya ia memandu dengan suka hati dia sahaja. Jadi kalau mereka yang berumur 20 tahun ke bawah itu diberi "L" dia sendiri tahu mesti berjaga-jaga kerana lesennya belum confirmed lagi tetapi dia boleh memandu. Barangkali mustahak, anak orang-orang senang yang berumur 17 atau 18 tahun hendak pakai kereta, dan mendapatkan lesen motor, dia boleh berjaga-jaga dan bila orang tengok "L" besar di hadapan keretanya maka dia dan kereta-kereta yang lain pun dapat mengelakkan orang yang baru belajar ini. Jadi saya rasa perlu pihak Kementerian mengkaji masaalah memberi lesen-lesen khas atau lesen-lesen yang tertentu untuk memandu lori, kereta motor dan sebagainya hendaklah dihadkan umur 21 tahun ke atas barulah dibolehkan, kerana mereka yang berumur 21 tahun ke atas itu sudah bertanggungjawab dan mempunyai hak asasi tanggungjawab bagi pihak negara dia sendiri dan nyawa manusia juga.

Selain daripada itu, saya suka juga menyentuh Kepala B. 64, Pecahan-kepala 1100 iaitu cuma hendak memberikan sedikit teguran sahaja dalam masaalah rekabentuk. Walaupun telah disebut oleh pihak rakan kita dari Parit, saya suka menegaskan di sini iaitu dalam masaalah rekabentuk bukan untuk jalan dan jambatan sahaja, bahkan bangunan-bangunan perlu dikaji oleh Kementerian yang berkenaan bilamana meluluskan rekabentuk yang dibuat oleh pakar-pakar rekabentuk daripada Jabatan yang berkenaan. Rekabentuk bangunan yang diluluskan itu hendaklah mempunyai unsur-unsur bangunan Malaysia, jangan ada rekabentuk unsur-unsur bangunan daripada luar berlebihan. Satu lagi saya suka mengingatkan, rekabentuk bangunan di Lapangan Terbang

itu mudah-mudahan dapat dibuat satu rekabentuk yang berunsur perkembangan ugama Islam dan diadakan satu bilik tempat tetamu-tetamu ataupun penumpang-penumpang yang beragama Islam membuat ibadat ataupun menunaikan fardu sembahyang apabila sampai ketikanya. Jadi dengan ini, saya rasa barulah benar-benar Kementerian ini membuatkan satu rekabentuk dalam melaksanakan cita-cita pembangunan dalam negara kita di masa akan datang, walaupun kita tidak ada lagi tetapi boleh dapat dipandang Malaysia sebagai unsur pembangunan Islam di masa akan datang.

4.15 ptg.

Raja Nasron bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Pengerusi, untuk menjimatkan masa saya cantumkan dua Kepala menjadi satu, di muka surat 427 Kepala B. 64 Pecahan-kepala 1100 Aktiviti (7)—Undang-undang dan Rayuan Pengangkutan Jalan dan muka surat 444, Kepala B. 65, Pecahan-kepala 1100 Aktiviti (5)—Pelesenan Perdagangan.

Tuan Pengerusi, saya memanglah berasa bangga dan menghargai Kementerian yang telah memberi peluang kepada beberapa orang bumiputra untuk menjalankan perkhidmatan Mini Bus baru-baru ini. Tetapi satu daripada syarat yang dikenakan oleh Kementerian ialah Mini Bus itu hendaklah Mini Bus baru, iaitu kereta baru. Ini mendatangkan banyak kesulitan. Pertama Mini Bus baru itu berharga hampir \$40 ribu dan kalaulah syarat ini tidak dilonggarkan iaitu dibenarkan bas second-hand yang berumur di antara 5 atau 7 tahun maka banyak di antara pemegang-pemegang permit Mini Bus ini akan menjalankan usaha "Ali-Baba". Harga \$35,000 ataupun \$40,000 bagi tiap-tiap satu Mini Bus itu akan memaksa orang-orang itu meminjam wang dan dengan begitu tinggi faedah yang dikenakan, maka orang-orang yang menjalankan Mini Bus ini terpaksa membayar setiap bulan menguntungkan finance company sahaja. Jadi, kalau Kementerian boleh membenarkan teksi-teksi second-hand digunakan dan boleh membenarkan bas-bas sekolah second-hand juga, saya berpendapat tentu Kementerian dapat melonggarkan syarat Mini Bus ini juga, dibenarkan daripada kereta-kereta second-hand.

Kedua, saya suka membawa perhatian Kementerian kepada bas sekolah. Bas sekolah yang kita lihat sekarang ini, saya percaya Yang Berhormat Menteri sendiri menyaksikan perkhidmatan-perkhidmatan itu, penuh sesak disumbatkan dengan budak-budak sekolah hingga mendatangkan merbahaya dan sudahpun terjadi beberapa kemalangan. Selain daripada keadaan bas itu penuh sesak, saya juga melihat bahawa kerana hendak dapat lebih pendapatan, tiap-tiap bulan opereter-opereter bas sekolah ini kadang-kadang menjalankan 3 trip tanpa memandangkan keselamatan kanak-kanak. Jadi, saya nasihatkan kepada Kementerian hendaklah memandangkan berat perkara ini dan pegawai-pegawai yang bertanggungjawab untuk menentukan keselamatan menjalankan tugas mereka tanpa memandangkan kepada sesiapa pun.

Ketiga, ialah berkenaan dengan teksi luar bandar. Saya tidak mengerti dan tidak mengetahui apakah ukuran yang dibuat oleh Kementerian untuk menentukan berapa buah teksi untuk sesuatu kawasan atau sesuatu pengkalan di luar bandar. Beberapa orang pemohon telah datang kepada Wakil Rakyat untuk mendapat sokongan, tetapi walaupun sokongan diberi pengkalan itu dikhaskan untuk hanya satu buah teksi dan 10 orang yang kami sokong hanya 1 orang yang dapat. Walhal sebuah ladang getah mempunyai 500 orang penduduk dan perkhidmatan bas di luar bandar tidak begitu memuaskan, Kementerian boleh menambahkan teksi-teksi di tempat-tempat begitu. Jadi, saya minta kepada Kementerian ini jika ada Wakil-wakil Rakyat daripada luar bandar mengemukakan satu-satu pandangan meminta tempat-tempat yang ada bukti-bukti menunjukkan patut ditambah, hendaklah Kementerian memikirkan dan memberi layanan kepada rayuan-rayuan daripada Wakil-wakil Rakyat yang di luar bandar itu.

4.20 ptg.

Wan Zainab binti M. A. Bakar (Sungai Petani): Tuan Pengerusi, saya suka mengambil bahagian menyokong peruntukan Kementerian Kerja Raya dan Pengangkutan dan saya akan bercakap di bawah Bekalan Kepala B. 64, Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (1) Pentadbiran Am. Pada pendapat saya patutlah ditambah kakitangan seperti meter-readers kerana kedai-kedai, rumah-rumah dan kilang-kilang makin bertambah dari

satu masa ke satu masa. Meter-readers pengguna-pengguna air ini kadang-kadang dibuat sampai dua bulan sekali dan juga bil-bil untuk pembayaran pun dibuat sampai dua bulan. Bila sampai setengah tahun bil-bil itu sudah sampai sepuluh-puluh ringgit dan beratus-ratus ringgit dan ini membebankan pengguna-pengguna bekalan air. Jadi, saya suka juga memberi pandangan eloklah kita ikut sebagaimana, yang dibuat oleh L.L.N. iaitu bil-bil itu dihantar tiap-tiap bulan dalam tempoh lima hari kalau tidak bayar bil itu maka dihantar notis dan kalau tidak dibayar maka karan dipotong. Selepas dipotong letrik akan didenda pula \$3 untuk pasang semula. Bila sesuatu kejadian ini berlaku pihak pengguna akan selalu berwaspada dan selalu akan membayar dan tidak membebankan pihak Kerajaan. Ini satu contoh iaitu patutlah bil-bil air ini dikeluarkan tiap-tiap bulan.

Tuan Pengerusi, satu lagi ialah Kepala P. 64, muka surat 432 Pecahan-Kepala 1—Memperbaiki Jalan I dan Jambatan-jambatan. Kita selalu nampak jalan-jalanraya ini tiap-tiap kali dikorek ditimbus dan dikorek lagi dan ditimbus. Bila kita tanya mengapa dikorek, jawab mereka hendak tanam paip air. Selepas itu korek lagi, kita tanya hendak buat apa ini jawabnya hendak pasang kebel talipon. Lepas itu pula korek lagi. Kalau dikorek juga tidak apa jugalah tetapi selepas itu hendaklah digelek dengan steam-roller supaya diratakan jalan itu, kalau tidak beca roda tiga tidak suka lagi hendak lalu di situ kerana jalan itu tinggi rendah, mereka lalu jalan motokar dan ini selalu menjadikan kemalangan jalanraya. Kalau boleh diselaraskan antara tiga Kementerian ini, kerja tidak banyak dan juga kita boleh menjimatkan wang, tetapi kalau tidak ada jalan lain, bila dikorek itu ditimbuskan balek eloklah sebagaimana mula-mula kita terima jalanraya yang elok tadi.

Tuan Pengerusi, satu lagi saya suka mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kementerian Kerja Raya dan Pengangkutan iaitu Kepala P. 64 dan P. 65—Bekalan air, muka surat 436. Di sini saya nampak ada diberi peruntukan untuk memasang bekalan air di Mukim Sungai Petani. Saya sebagai Wakil Rakyat di sana amatlah rasa gembira, sebab kalau lampu tidak dapat dimasukkan ke kampung-kampung, tetapi bekalan air itu diberikan

dahulu alangkah nikmatnya orang-orang kampung yang belum merasai air paip selama ini.

Tuan Pengerusi, Kepala B. 64, muka surat 426 iaitu Keselamatan Jalanraya. Saya nampak sudah beberapa bulan arahan daripada Kementerian Kerja Raya dan Pengangkutan meminta pengguna-pengguna motosikal supaya memakai topi keledar. Kalau motosikal itu dinaiki oleh dua orang maka dua biji topi keledar, kalau sudah banyak pengguna-pengguna motosikal tentu banyak pula topi keledar ini. Wanita yang duduk dibelakang menggunakan topi keledar dengan beg tangannya bila masuk di pekan semasa membeli belah mana hendak memegang topi keledar, mana hendak bawa beg. Jadi eloklah saya buat satu cadangan kita buatkan tempat untuk meletakkan topi-topi keledar dan adakan juga penjaga sebagaimana kita buat penjaga kereta. Mereka dapat juga sedikit sebanyak elauun pada tiap-tiap bulan, lagi pun kalau kita buat cara begini menyenangkan orang-orang yang menggunakan topi keledar.

Lagi satu perkara sahaja, Tuan Pengerusi, iaitu saya telah dengar daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi mengatakan Pejabat Pendaftar dan Pemeriksa Kereta-kereta Motor sekarang cuma ada di Alor Star sahaja. Jadi pada tahun sudah dalam masa Budget saya telah mengemukakan iaitu patutlah diadakan satu cawangan bagi pejabat yang berkenaan di Sungai Petani, sebab kalau kita fikir orang dari Baling dan orang dari Sungai Petani hendak pergi ke Alor Star tentulah banyak sangat mereka itu tertunggu-tunggu tidak dapat membaharui lesen kenderaan mereka pada hari itu. Kalau ada satu pejabat kecil pun tidak apa, kita bukanlah hendak minta bangunan yang besar, cuma satu pejabat yang kecil supaya orang dari Baling, Kulim dan Sungai Petani boleh membaharui lesen-lesen pemandu mereka di situ.

4.26 ptg.

Tuan Haji Jamil bin Ishak (Tanjung Karang): Tuan Pengerusi, bagi menjimatkan masa saya minta izin menyentuh dua tiga perkara dalam peruntukan Bekalan Kementerian Kerja Raya dan Pengangkutan ini.

Pertamanya, Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh muka 435, Pecahan-kepala 43—Jalan-jalan Pembangunan. Jalan-jalan Pembangunan yang telah dijalankan didapati

tidak begitu memuaskan kerana kemajuannya selalu terkandas. Di tempat saya ada tiga empat jalan-jalan yang tidak dapat dimajukan dan di sini saya minta Jabatan Kerja Raya membuat kajian supaya jangan berulang lagi keadaan yang begitu. Sungguhpun hendak menggalakkan atau membuka peluang kepada bumiputra untuk membuat kerja-kerja ini akan tetapi hendaklah diasiasat terlebih dahulu bahawasanya bumiputra itu ada cukup alat-alat dan kelengkapan untuk menjalankan kerja itu. Jalan-jalan pembangunan ini sangat mustahak dikehendaki oleh penduduk-penduduk luar bandar untuk kemudahan mereka mengangkut hasil-hasil yang hendak dikeluarkan dari kawasan pendalaman. Kalau keadaan begitu berulang-ulang maka sudah barang tentu Projek-projek Jalan-jalan Pembangunan ini tergendala dan ini akan selalu menyusahkan orang ramai dan membosankan mereka.

Perkara yang kedua, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan muka surat 442, Pecahan-kepala 181—Rumah-rumah Pekerja. Saya sering kali dapat sungutan daripada pekerja-pekerja tentang amalan bahawa rumah-rumah mereka itu tidak berapa begitu dapat layanan yang baik, sehinggakan bertahun-tahun dan berpuluh-puluh tahun rumah itu bocor dengan keadaan buruk dengan parit sekeliling rumah, sanitationnya tidak begitu baik dan sebagainya. Jadi, adalah diharapkan sikap J.K.R. ini diubah supaya dapat mementingkan orang berpendapatan rendah terutama sekali pekerja, berilah layanan yang sepatutnya kepada pekerja ini. Jangan saki-baki colonial itu masih ada lagi diamalkan iaitu semata-mata suka hendak membaiki atau melihat keadaan rumah pihak atasan sahaja dibaiki dan dilayan. Jadi, ini saya harap Jabatan ini mengambil perhatian.

Perkara yang ketiga, Tuan Pengerusi, saya juga turut berserta berkenaan dengan keselamatan lalu-lintas. Saya mengemukakan bagaimana kata Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi hendak mengadakan kempen seluas-luasnya. Ini sangat perlu, kerana kita semua tahu bahawa pemandu-pemandu tidak begitu mengindahkan undang-undang jalanraya. Saya berharap Kementerian ini patut mengadakan beberapa alat-alat ataupun cogan kata dipelekatkan kepada kereta-kereta masing-masing menyatakan: memandu cermat atau nyawa

tidak boleh dijual beli dan sebagai. Ini patut diadakan dengan seluas-luasnya. Dalam pada itupun saya mendesak supaya dibuatkan satu sistem, satu cara iaitu setahun sekali pemandu-pemandu ini patut diuji semula akan kecekapannya dan sebagainya. Apa yang mustahak sekali minta di sini iaitu kereta-kereta yang sudah lama yang lebih daripada lapan tahun ke atas yang mana sudah boneshaker itu tidak perlu lagi atau dilarang berjalan di jalanraya. Lebih-lebih lagi kereta-kereta yang membawa murid-murid sekolah diberi permit menjalankan mini bas ataupun bas sekolah, tetapi Kementerian tidak mengambil tahu keadaan bas itu.

Kebanyakannya yang kita jumpa atau yang kita dapati digunakan untuk transport murid-murid sekolah ini ialah bas yang lama dan sudah uzur, dan bergantung kepada nasib sahaja kalau tidak berlaku kemalangan. Ini patut diambil perhatian. Dan saya menyokong kalau Kementerian ini menjalankan kempen ini dengan seluas-luasnya dan akan bertindak tegas mengikut undang-undang yang ada di Kementerian.

Yang akhirnya, Tuan Pengerusi, berkenaan muka surat 438 Pecahan-kepala 96—Bekalan Air Luar Bandar. Di sini saya harap Kementerian ini mengambil kepastian memberi kemudahan-kemudahan yang cepat kepada penduduk-penduduk luar bandar untuk mendapatkan bekalan air. Di tempat saya sudah beberapa tahun lamanya baru ini sahaja ada perubahan sedikit tetapi tidak juga begitu memuaskan. Keadaannya sangatlah mendukacitakan sehingga mereka tidak dapat mengambil bekalan air berbulan-bulan lamanya dan terpaksa mencari air minum daripada tempat yang tidak berapa sesuai dari segi kesihatan. Saya menarik perhatian Kementerian ini supaya melihat projek untuk perbekalan air di luar bandar ini diutamakan untuk mereka yang berkehendakan air, sebab di luar bandar kalau tidak mendapat bantuan bekalan air terutama musim kemarau sangatlah azab bagi mereka untuk mendapat bekalan air dari punca yang lain.

4.33 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Pengerusi, saya ingin berucap dengan pendeknya mengenai Kepala B. 65—Aktiviti (5) Pelesenan Perdagangan.

Di sini saya ingin menyokong apa yang dikatakan oleh Ahli dari Kepong mengenai pengeluaran lesen-lesen teksi.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi, saya dengan kesalnya terpaksa menyatakan di sini bahawa sehingga hari ini terdapat banyak sungutan-sungutan di dalam kawasan saya mengenai pengeluaran lesen-lesen teksi kepada pemohon-pemohon tidak dijalankan secara adilnya.

Sungutan ini menyatakan bahawa pemohon-pemohon yang sebenarnya memandu teksi untuk mencari penghidupan atau mencari nafkah tidak langsung berjaya dalam permohonan mereka, sedangkan mereka yang bukan pemandu-pemandu teksi telah diberi lesen oleh Lembaga itu.

Tuan Pengerusi, adalah terdapat kes-kes yang mana pemohon-pemohon yang sebenarnya, memandu teksi 20 hingga 30 tahun tidak berjaya mendapatkan lesen-lesen teksi, sungguhpun mereka telah memohon beberapa kali dan memenuhi syarat-syarat permohonan. Kes-kes itu termasuklah bekas-bekas perajurit yang mana mengikut undang-undang mereka patut diberi priority untuk mendapatkan lesen teksi.

Oleh hal yang demikian, saya juga ingin mencadangkan di sini bahawa Kementerian ini dapat menjalankan satu penyiasatan untuk menentukan samada lesen-lesen teksi itu disalah-berikan kepada orang-orang yang bukan pemandu teksi tetapi untuk menyewakan teksi-teksi mereka kepada pemandu-pemandu teksi yang tulin. Jika penyiasatan ini dapat dijalankan saya mengesyorkan bahawa pemandu-pemandu teksi yang tulin diberi satu peluang untuk datang di hadapan Lembaga Rayuan untuk membuktikan bahawa mereka ada menjalankan teksi sebenarnya, tetapi permohonan mereka telah tidak berjaya atau telah ditolak.

Tuan Pengerusi, atas perkara pemandu-pemandu teksi juga, saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri kepada tindakan gangguan yang sering diambil oleh Polis Lalulintas ke atas pemandu-pemandu teksi atas alasan mereka telah melakukan kesalahan undang-undang. Ini telah mengakibatkan banyak kesusahan kepada mereka yang bekerja dengan jujur untuk

mencari nafkahnya. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat menyasiat perkara ini dan mengambil langkah-langkah untuk mengatasinya.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin mengesyorkan supaya Jabatan Pengangkutan Jalan menjelaskan kepada pemandu-pemandu teksi di bandar Kuala Lumpur mengenai sejauh mana teksi-teksi mereka boleh berjalan untuk mengambil penumpang-penumpang. Ini adalah sangat mustahak kerana sehingga hari ini kebanyakan pemandu-pemandu teksi ini masih belum faham secara teliti mengenai perkara ini.

Yang akhirnya, Tuan Pengerusi, saya juga harap mendapat tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah sikap atau tindakan yang telah diambil oleh Kementerian terhadap satu memorandum daripada Persatuan Pemandu-pemandu Teksi Kuala Lumpur meminta bayaran kiraan batu yang pertama ditambah dari 50 sen kepada 60 sen. Saya ingin tahu samada Kementerian akan mempertimbangkan rayuan ini dan jikalau tidak, mengapa.

Tuan Au How Cheong: (Bangun).

Tuan Pengerusi: Tolong ringkaskan—make it brief, pendek-pendekkan ucapan itu, sebab ramai lagi yang hendak bercakap. Silakan.

4.37 ptg.

Tuan Au How Cheong (Telok Anson): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya sentuh Kepala P. 64, Pecahan-kepala 96, Bekalan Air Luar Bandar dalam muka surat 438.

Saya ingin bercakap tentang rancangan bekalan air yang diperkenalkan oleh Kerajaan tidak beberapa lama dahulu untuk membolehkan penduduk-penduduk di luar bandar mendapat bekalan air.

(*Dengan izin*) Sir, the Scheme calls upon a house owner to contribute a portion of the cost of laying the necessary pipes and the Government foots the rest of the bill. However, in many cases, the Government simply collects the contributions from the house owners but even after as long as three years never fulfils the Government's part of the bargain. In the Lower Perak District alone, there are hundreds of participants who have paid their part of the cost but have not yet obtained their water supply. This causes a great deal of unhappiness for these people,

and I call upon the Government to look into this matter and not just to keep the people's money but to quickly give the water supply as agreed upon. As there are so many outstanding cases not yet attended to, it may be prudent for the Government to suspend this scheme temporarily, so that the Government need not create more problems for itself unnecessarily. Such a scheme can, of course, be revived as soon as the situation has improved or as soon as the Government can cope with the situation.

Tuan Pengerusi, di sini saya ingin menyentuh Kepala B. 65, Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (4), Pengujian dan Pelesenan Pemandu-pemandu. I appeal to the Minister to construct proper practising and testing grounds to enable the learner drivers to receive proper traffic and driving instructions. Our drivers are expected to master well the driving skill and the traffic rules before driving licences are being issued to them, and yet there is no proper place for them to pursue the required knowledge. It is, therefore, a common sight nowadays to see learner drivers making use of our *cul-de-sac*, public compounds, etc. for driving lessons. Saya berharap Kementerian ini akan mengambil tindakan sewajarnya untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin juga menyentuh Kepala P. 64, Pecahan-kepala 1 hingga 6—Jalan Raya dan Jambatan. Adalah dimaklumkan bahawa jumlah wang sebanyak \$31 juta telah diketepikan untuk memperbaiki berbagai jalanraya dan jambatan, dan sebanyak \$120 juta telah diketepikan untuk jalan-jalanraya dan jambatan yang baru. Oleh kerana jumlah wang yang begitu besar telah diperuntukkan bagi tujuan ini, saya mencadangkan pembinaan hentian-hentian sebelah or lay-byes. I propose the introduction of constructing lay-byes at appropriate intervals, say, at every five or ten miles, depending on whether there are any small towns along the route. I hope the Ministry would consider such construction in all our new major highways and, wherever practical, as well as along our existing major highways such as Routes 1, 2 and 3. The provision of lay-byes will give the drivers of vehicles, especially the heavy duty type, a place to park in case of breakdown to attend to their vehicle or a place for the drivers who have to make long journeys to take a short

break or rest. From the road safety point of view, this is far more effective than the display of the reflective safety triangle which, by law, has to be placed at the back of a vehicle which has broken down because our major highways have become straighter and our vehicles also travel at greater speed. A broken down and therefore stationary lorry, even with a reflecting safety triangle at the back, is still a great danger to moving traffic. The provision of lay-byes, no doubt, will mean increased costs, but it is a feature which will make our highways much safer and this should deserve the serious consideration of the Ministry.

4.44 ptg.

Tuan Hashim bin Ghazali (Matang): Tuan Pengerusi, saya ingin menyebut berkenaan dengan Kepala Bekalan 64 dan Kepala Bekalan 65.

Di dalam ucapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi tidakpun menyebutkan beberapa perkara yang telah dipersetujui pada tahun sudah oleh Yang Berhormat Menteri. Yang pertama, berkenaan dengan Pejabat Cawangan R.I.M.V. di Taiping dan yang kedua berkenaan dengan pembinaan menambak jalan batu 8½ sehingga 10½ dari Matang ke Port Weld. Saya bersama-sama dengan sahabat saya iaitu Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Taiping, Larut, Parit Buntar dan Bagan Serai berharap sangat-sangat untuk mengulang lagi sekali kepada Kementerian ini mengkaji semula supaya sebuah Cawangan Pejabat R.I.M.V. ditempatkan di Taiping yang telah dipersetujui oleh Yang Berhormat Menteri pada tahun sudah pada dasarnya. Ini kerana di Perak sendiri mempunyai satu pejabat sahaja iaitu di Ipoh dan sudah tidak sesuai lagi dalam keadaan sekarang ini kerana penduduk yang mempunyai seramai 1½ juta orang dan banyak pula kenderaan di negeri tersebut. Mereka ini terpaksa pergi ke Ipoh iaitu ke Pejabat R.I.M.V. untuk menjalankan urusan-urusan berkenaan dengan jalanraya dan sebagainya. Oleh sebab itu, bagi mengurangkan keadaan kesesakan ini eloklah Kementerian ini menubuh satu Cawangan Pejabat R.I.M.V. walaupun kecil ditempatkan di Taiping dan di sana seperti saya sebutkan tadi mempunyai penduduk seramai tidak kurang daripada 400,000 orang, dan sudah sepatutnyalah satu cawangan dapat

dibuat dan jika dapat dilaksanakan pada tahun 1976 sangatlah dialu-alukan oleh penduduk di kawasan tersebut.

Tuan Pengerusi, yang kedua, berkenaan jalanraya yang begitu buruk sekali di batu $8\frac{1}{2}$ hingga $10\frac{1}{2}$ di antara Matang ke Port Weld, sudahpun dipersetujui oleh Yang Berhormat Menteri pada tahun sudah untuk ditambah pada tahun 1976, tetapi tidakpun disebut di dalam ucapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Oleh itu, saya merayu bagi pihak penduduk-penduduk yang seramai 15,000 orang yang tinggal di kawasan itu yang menggunakan jalan tersebut yakni di kawasan Port Weld dan sekitarnya. Jalanraya ini telah rosak dan hanya diperbaiki pada tahun 1957 dahulu dan selepas sahaja jalanraya ini ditambah pada tahun 1957 sehingga masa ini tidakpun ditambah lagi. Oleh sebab itu, mungkin Kerajaan memandang perkara ini kecil, tetapi kepada penduduk yang seramai 15,000 orang ini memandang perkara ini besar. Sebabnya yang pertama sekali jalanraya ini berada di tepi laut, dan oleh sebab berada di tepi laut tanahnya lembut, kenderaan sentiasa lalu-lalang di situ dan lama-kelamaan jalan ini turun, pada akhirnya ini diagak turun sehingga 4 kaki. Sudahlah begitu, jalanraya ini selalu dilanda air pasang. Seperti kita sedia maklum air pasang ini terjadi pada tiap-tiap sebulan dua kali iaitu mengikut bulan hijrah. Bila pada awal bulan biasanya jadi selama lima hari dan pada pertengahan bulan jadi lima hari lagi, jadi lebih kurang 10 hari jalanraya ini dilanda air pasang. Apabila sahaja air pasang berada di jalanraya ini kita dapat membayangkan tentulah tidak dapat dilalui oleh kenderaan kecil melainkan kenderaan yang besar. Yang pertama sekali menjadi kesulitan kepada penduduk di situ apabila sahaja anak-anak mereka hendak ke sekolah kerana sekolah-sekolah menengah, khususnya berada di bandar Taiping dan anak-anak penduduk yang seramai 15,000 orang itu terpaksa melalui jalan itu kerana tidak ada jalan lain lagi. Jalan keretapi telah ditutup sejak dua tahun dahulu. Oleh sebab itu, apabila sahaja murid-murid ini hendak pergi ke sekolah pada masa air pasang melanda jalan ini selama 10 hari pada tiap-tiap bulan, mereka ini terpaksa keluar daripada rumah di antara pukul 1.00 tengah malam sampai pukul 3.00 pagi

kerana mereka mengelakkan daripada melalui air pasang yang berada di jalanraya. Kalau mereka tidak lalu pada masa-masa tersebut mereka terpaksa lalu pada masa air pasang yang sudah kering di jalan itu dan mereka akan lewat pula sampai ke sekolah. Biasanya pada pukul 9.00 atau 10.00 pagi baharu air itu kering. Jadi, murid-murid sekolah terpaksa naik kenderaan keluar dan mereka menunggu di tengah jalan sehingga waktu siang barulah mereka bertolak ke sekolah. Bagaimana sedihnya perasaan penduduk di situ begitu juga saya percaya Yang Berhormat Timbalan Menteri mempunyai satu perasaan yang sama dengan penduduk-penduduk yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, berkenaan bas. Sudah beberapa kali perkara ini diberitahu berkenaan dengan bas yang lalu-lalang di atas jalanraya tersebut dan boleh jadi bas yang paling buruk sekali yang lalu-lalang di dalam negara ini ialah bas-bas yang melalui jalan ini. Apabila sahaja bas baru melalui jalan ini tentu tidak sesuai, sebabnya bila bas kena air masin, bas-bas ini akan rosak. Oleh sebab itu, Kerajaan telah membenarkan bas yang buruk melalui jalan ini dan bas inilah apabila sudah buruk tentulah mempunyai banyak masaalah yang timbul, masaalah rosak, brake rosak dan sebagainya dan mudah pula berlaku kemalangan, sudah banyak kali berlaku kemalangan kepada bas-bas yang lalu di jalan ini. Penduduk di sini sudah merayu beberapa kali, tetapi terpaksa bersimpati pula dengan syarikat bas ini, kalau tidak mereka tidak dapat naik bas seperti mana dikehendaki.

Berkenaan dengan penduduk-penduduk di sini apabila sahaja berlaku kemalangan mereka terpaksa pergi ke rumah sakit. Pada masa air pasang ini berada di jalanraya tidak boleh lalu. Kalau mereka ini meminta pertolongan daripada hospital atau daripada doktor dan sebagainya terutama sekali pada masa air pasang berada di jalanraya, maka tidak ada siapa yang boleh menolong, melainkan menderita dan terus meninggal dunia, dan kadang-kadang mereka ini dapat pertolongan daripada lori-lori besar sahaja, lori-lori yang besar ini membawa pula orang sakit tentulah semakin terok lagi mereka ini. Oleh sebab itu saya merayu sangat-sangat kepada Kementerian ini mengkaji dan melihat sendiri bagaimana keadaan yang sebenar berlaku dan dapat dibaiki seperti

mana telah dipersetujui, oleh Yang Berhormat Menteri dahulu supaya dapat ditambah seperti mana dikehendaki itu. Kalau dibaiki seperti yang ada sekarang ini sampai bilapun tidak dapat menyelesaikannya kerana air pasang ini memang ada pada tiap-tiap bulan bukan seperti air hujan; ini air pasang laut.

Tuan Pengerusi: Tempoh Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan Hashim bin Ghazali: Terima kasih.

4.52 ptg.

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim (Setapak): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong Perbekalan dan Pembangunan Kepala 64 dan berjumlah \$452,978,080.

Tuan Pengerusi: Saya minta Yang Berhormat berucap pendek dalam masa 5 minit sahaja, oleh sebab ada 3-4 Ahli lagi hendak bercakap. Kalau seorang mengambil 5 minit, saya bersedia melanjutkan perbahasan ini sampai jam 6.15 petang ini sebelum saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab, kerana Ahli-ahli Yang Berhormat sudah menunggu lama dan ini hadiah Hari Raya boleh bercakap kalau hendak bercakap.

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian ini yang telah mendapat peruntukan tambahan yang begitu besar dan banyak dalam Perbekalan dan Pembangunan. Apa yang saya harap ialah Kementerian ini akan sungguh-sungguh dapat mengawal perbelanjaan Kerajaan yang dibelanjakan ini supaya betul-betul boleh dinikmati oleh rakyat jelata dalam negara ini dan saya minta kepada Kementerian ini mengawasi kepada priority rancangan-rancangan yang tersebut. Yang penting dalam Bekalan P. 64 ini saya hendak bercakap di sini ialah mengenai masalah Pecahan-kepala 6. A (iii)—Pembinaan dan Pengambilan Tanah, Jalan Kuala Lumpur-Karak. Saya menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri dan Kementerian yang berkenaan kepada tanah orang-orang Melayu di dalam Wilayah Persekutuan yang terkena dalam pembinaan jalan ini. Kita semua sedia maklum tanah kepunyaan orang-orang Melayu dalam Wilayah Persekutuan amatlah sedikit dan apabila pengambilan tanah untuk hendak

membina jalan Kuala Lumpur-Karak, maka orang-orang Melayu yang terlibat berasa susah hati dan berasa kesal kepada sikap perancang yang mana boleh tanah-tanah ini dielakkan. Saya harap pihak Kementerian ini bersikap tegas dalam perkara ini supaya untuk menyelamatkan tanah orang-orang Melayu yang terlibat di dalam pembinaan jalan Kuala Lumpur-Karak.

Yang kedua masaalah bantuan kepada pembuat jalan-jalanraya terutama sekali di Kuala Lumpur yang berjumlah \$1.3 juta. Saya rasa tidak mencukupi memandangkan keadaan jalanraya di Kuala Lumpur ini yang mana telah menjadi Federal Territory dan Federal Capital berkehendakkan bantuan yang lebih daripada itu.

Yang keempat Pejabat-pejabat Baru Kerajaan Persekutuan Kuala Lumpur Pecahan-kepala 123 muka surat 439—Pejabat-pejabat Baru Kerajaan Persekutuan, Kuala Lumpur. Saya harap pihak Kementerian akan berhati-hati menyegerakan pembinaan ini supaya menyelamatkan wang Kerajaan daripada menyewa beberapa bangunan yang sedang berjalan pada hari ini, seolah-olah menggambarkan Kerajaan kita tidak mempunyai kemampuan membuat bangunan sendiri dan lebih suka menyewa dan memberi keuntungan kepada pihak swasta. Ini menimbulkan kerangan orang ramai seolah-olah ada udang ini sebalik batu, yang sengaja melambatkan pembinaan bangunan-bangunan Kerajaan yang patut dibina tetapi cuma di dalam rancangan sahaja.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, muka surat yang sama Pecahan-kepala 127—Bangunan Lembaga Kemajuan Perusahaan (FIDA) yang telah dipersetujui untuk dibina dan kita telah dapat tahu telah beberapa kali diubah-ubah dan saya berharap Kementerian ini menyedari bahawa bangunan ini amatlah penting bagi kegunaan untuk menarik pelabur-pelabur yang datang daripada luar negeri dan juga untuk showroom kepada barang-barang keluaran Malaysia. Jadi saya berharaplah peruntukan ini ditambah dan eloklah dibina dengan sempurna, janganlah membuat binaan-binaan seperti bangunan yang penting seperti ini dalam jangka pendek. Saya harap difikirkan untuk jangka panjang supaya bangunan ini boleh digunakan berpuluh-puluh tahun dan banyak kegunaannya di atas perkara-perkara yang lain.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Batu Pahat—5 minit.

4.55 ptg.

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar (Batu Pahat): Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap mengenai Kepala B. 65 Pecahan-kepala 1100 muka surat 444—Pendaftaran dan Pelesenan Kereta-kereta Motor.

Saya sependapat dengan rakan-rakan saya tadi bukan sahaja di Melaka bahkan banyak lagi bangunan-bangunan Pejabat Pemeriksa Kereta-kereta Motor seperti di Muar, di Ipoh, di Alor Star, di Kuala Trengganu dan sebagainya yang belum dijalankan lagi pembinaannya walaupun telah diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan tadi. Bagaimana kita maklum bahawa Jabatan ini adalah satu Jabatan yang banyak sekali mengutip wang untuk negara. Jadi patutlah disegerakan bukan sahaja untuk kemudahan pekerja-pekerja yang bersesak-sesak—kalau Yang Berhormat Menteri dapat melawat ke pejabat-pejabat yang dikatakan tadi akan saksi sendiri—tetapi juga untuk kemudahan pengguna-pengguna terutamanya pembayar-pembayar lesen. Adakah menjadi kebiasaan pembayar lesen ini bertumpu pada waktu akhir bulan, satu cara patut dijalankan sama ada counter pengutip wang itu dilebihkan atau lain-lain caranya untuk kemudahan kepada pembayar-pembayar lesen kita.

Dalam tajuk yang sama juga saya mengucapkan setinggi terima kasih kepada Kementerian ini dan Jabatan ini dalam usahanya untuk hendak memberi peluang yang lebih di atas penyertaan bumiputra dalam bidang pengangkutan berat. Jadi apa yang saya harapkan supaya patutlah sekarang kita mengkaji semula, kalau perlu ditubuhkan satu jawatankuasa mengkaji setakat mana kejayaan rancangan ini terutama sekali dari segi perlaksanaannya supaya benar-benar samada lori Permit A, teksi, bas dan sebagainya diberikan kepada bumiputra sebenar-benarnya dijalankan oleh bumiputra, dan ini dapat kita menjayakan matlamat kita. Saya berharap juga supaya pengeluaran Permit C dikaji semula dan begitu juga pengeluaran Lesen C 50 cwt ke bawah yang pada masa ini dijalankan dengan tidak payah menggunakan permit. Ini saya dapat tahu terutamanya daripada pengusaha-pengusaha bumiputra yang menghalang usaha-usaha mereka untuk mendapatkan cargo-cargo dan sebagainya. Saya

harap perkara ini patut dikaji semula. Begitu juga kalau saya tidak silap ada satu dasar iaitu syarikat-syarikat bas yang ada di negara ini terutamanya yang bukan dipunyai oleh rakyat Malaysia di mana 30% hendaklah diuntukkan kepada bumiputra. Jadi saya harap ini juga dapat dijalankan dan saya mencadangkan supaya dapatlah diberi kepada, kalau boleh, pekerja-pekerja bumiputra dalam syarikat bas itu. Inipun kita hendak perhatikan kerana ada setengah-setengah syarikat bas, pada zahirnya, sudah berikan kepada bumiputra, tetapi sebenarnya tidak. Jadi untuk hendak mengelakkan perkara ini berlaku demikian kerana orang-orang bumiputra khususnya pekerja-pekerja dalam syarikat bas itu tidak mempunyai wang yang cukup pada permulaannya diserahkan 30% samada kepada S.E.D.C. ataupun P.K.N.S. di Selangor misalnya atau di negeri-negeri lain mengambil pada peringkat pertama kemudian diserahkan kepada bumiputra.

Kepala P. 64 mengenai dengan Jabatan Kerja Raya. Saya juga mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Jabatan Kerja Raya yang telah memberi peluang 30% kepada kontraktor-kontraktor atau kontrak bumiputra. Saya harap ianya dapat diberikan pengawasan tentang kejayaannya. Apa yang saya hendak sentuh di sini ialah terlampau banyak kontrak ini diberikan dan setengahnya terbengkalai. Yang menjadi masalah utama ialah seperti pembangunan sekolah-sekolah yang kadang-kadang mengganggu untuk digunakan misalnya di kawasan saya sendiri di Batu Pahat sehingga dua tiga tahun dan kadang-kadang terpaksa dua tiga kali ditenderkan. Saya berharap pada masa yang akan datang supaya perkara ini dikaji dan kalau boleh diberi kepada kontraktor-kontraktor tempatan, kerana biasanya kalau bangunan ini tidak siap orang ramai juga ibu-bapa mereka tidak berjumpa dengan Jurutera Kerja Kanan atau Pegawai Daerah tetapi mereka berjumpa dengan Wakil Rakyat. Kalau kontraktor ini orang-orang tempatan dapatlah mereka berunding, berjumpa dan sebagainya supaya dapat disegerakan perkara ini. Begitu juga ada beberapa kerja borong kepada sekolah-sekolah yang di hulu-hulu. Biasanya belanja pengangkutan terlampau banyak, kadang-kadang sehingga empat lima kali tender. Perkara ini juga mengganggu pelaksanaan pembinaan bangunan sekolah,

Saya harap kiranya ada pembinaan-pembinaan seperti sekolah-sekolah supaya dapat diberi perhatian yang istimewa supaya dapat disegerakan pembinaan bangunan tadi untuk faedah orang ramai.

Tuan Pengerusi: Masa lima minit telah cukup.

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Tanjung Malim dan selepas itu saya akan jemput Ahli Yang Berhormat dari Ledang. Sebagai akhirnya, saya akan jemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

5.02 ptg.

Tuan Mak Hon Kam (Tanjong Malim): Tuan Pengerusi, saya ingin memohon kebenaran untuk bercakap dalam bahasa Inggeris di samping bercakap dalam Bahasa Malaysia.

Tuan Pengerusi, saya hendak menyentuh di bawah Kepala B. 64, Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (2) Design and Maintenance of Roads, Bridges and Airfields; Aktiviti (8) Keselamatan Jalanraya dan juga Kepala P. 64, Pecahan-kepala 6, New Roads.

Tuan Pengerusi, supaya dapat menuju ke hadapan perhubungan antara satu bandar dengan satu bandar yang lain di negara ini adalah satu faktor yang penting. Di merata tempat perhubungan jalanraya yang menghubungkan utara dengan selatan dan timur dengan barat adalah baik, tetapi banyak lagi yang perlu dibuat. Semasa mereka membina jalanraya baru terutama jalanraya yang akan melibatkan bandar-bandar yang telah ada sekarang, pertimbangan hendaklah diberikan kepada masalah sosio-ekonomi yang mungkin timbul di bandar-bandar yang terlibat itu.

(*Dengan izin*) Tuan Pengerusi, we all know that most of the existing towns in our country are built in a haphazard manner. So in introducing a highway or a by-pass away from the town, we have to consider the town itself—the livelihood of the people because the town is not a satellite town, nor a self-supporting town. So when a highway is

introduced, it naturally takes away part of the business of the people in the town, as they also rely on the tourist business.

Tuan Pengerusi, we cannot ignore the socio-economic problems which will arise by the introduction of a highway by-passing a town. Tuan Pengerusi, I wonder, before a highway is proposed or confirmed, whether there is any survey being conducted regarding the livelihood of the people in the town or how they would be affected by the introduction of a highway. Should they be affected, whether there would be any remedy by making it least affected in terms of loss in business to the people in the area.

Tuan Pengerusi, a town has to grow and the population will increase and we have to be concerned for the people, the future of the town, whether they still have confidence to go on investing in the town. We have to make a survey at the time when we introduce a highway to by-pass a town. Tuan Pengerusi, the Ministry has a duty to look into this problem at the time the highway is being introduced—make suggestions as to how the town should be developed later with the new highway coming in and also to keep the people informed of the future potentiality of the town.

Tuan Pengerusi, here I would like to give an example of the Tanjong Malim town. I understand that the highway which has been under construction for some time has lately been completed and has been opened to traffic. But it seems that the people have just realised that the old road which has been substituted by the highway has been turned into one-way traffic. I wonder whether at the time when this new highway was proposed, the people had been well informed about this one-way traffic of the existing road. There is no doubt that when a new highway is built, some business will be taken away because the tourists might not take the trouble to go into the town unless the existing old road is turned into a two-way road. But technically, at the moment, we find that the bridge is much higher than the level of the existing road and is unsafe for traffic if two-way flow is made. But, anyway, the Timbalan Menteri should take note of this and in future, when there should be any highway by-passing a town, make sure that the people are properly informed and the matter is discussed with them so that by the time the highway is completed, there would not be such a fear.

5.08 ptg.

Tuan Haji Embong bin Yahya (Ledang):

Tuan Pengerusi, saya juga turut mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kerja Raya dan Pengangkutan yang telah membuat pembangunan yang begitu baik dari segi pembangunan negara kita tetapi melihatkan daripada wang yang begitu banyak diperuntukkan iaitu sebanyak lebih daripada \$460 juta, maka setiap pembangunan itu tentulah ada juga perkara yang tidak diingini atau yang tidak baik terjadi yang patut kami sebagai Wakil Rakyat mengingatkannya dan inilah yang saya hendak sebutkan iaitu mengenai Kepala B. 64, Pecahan-kepala 1100—Pentadbiran Am, Pembinaan Bangunan, Jalanraya dan sebagainya. Saya suka mengingatkan supaya Kementerian ini membelanjakan wang yang begitu banyak dengan cermat sedikit kerana banyak sungutan-sungutan daripada rakyat kita. Apa yang dibuat oleh J.K.R. ialah ditender dan diambil oleh pemborong tetapi kadang-kadang bangunan terutama sekali bangunan yang kecil-kecil di kampung, orang-orang kampung dapat menilai tidak sepadan dengan harga bangunan itu. Terlampau mahal. Walaupun kerana inflasi tetapi orang kampung berpendapat kalau mereka buat sendiri secara bergotong-royong barangkali mereka boleh membuat lebih besar lagi surau atau balairaya ini daripada apa yang ditender oleh J.K.R. Kita tidak tahu di mana salahnya, samada pemborong mengambil tender terlampau mahal ataupun barangkali kerana harga barang-barang terlampau mahal.

Perkara seperti ini saya rasa boleh dikawal oleh pihak Jabatan Kerja Raya dengan kerjasama daripada Jurutera, Akitek atau pemborongnya menasihatkan supaya janganlah hendaknya mengambil kesempatan daripada wang Kerajaan yang begini banyak dengan tujuan hendak cepat kaya. Rakyat boleh menilai kerja kita. Jadi perkara semacam ini apabila berlaku rakyat memikirkan mengapakah apabila J.K.R. membuat satu-satu pekerjaan di kampung memakan belanja yang berlipat-ganda daripada taksiran orang-orang kampung sendiri membuatnya. Sudahlah mahal, cepat pula rosaknya. Jadi tolonglah ambil perhatian dalam perkara ini. Ini selalu menghairankan kita, baik buat jalanraya, surau, masjid, jambatan dan lain-lain, kadang-kadang cepat rosak, belum sampai beberapa bulan

bangunan itu sudah bocor, sudah pecah dan sebagainya. Pada hal tendernya sudah berganda, tetapi cepat rosak pula. Saya minta pihak pegawai yang berkenaan dalam J.K.R. mengambil perhatian yang lebih teliti dalam menjalankan kerja-kerja tender ini atau menyiasat kerja pemborong ataupun cara hendak menggunakan wang perbelanjaan yang begitu banyak.

Kalau sekiranya kita lebih teliti, lebih cermat memikirkan bahawa ini wang rakyat, wang negara kita, saya rasa harus kita dapat selamatkan wang dalam membelanjakannya dan kita boleh melihat bangunan ini lebih kukuh. Kalau kita membiarkan sahaja pada pemborong buat dengan lebih kurang, itulah yang kita dapat bahawa bangunan itu cepat rosak seperti apa yang terjadi di kawasan saya sendiri, sebuah balairaya yang bernilai \$150,000 ditender, sebuah anjung yang dibuat 6 hari lepas daripada didirikan telah roboh. Apabila disiasat, saya sendiri menyiasat, tanya engineer, katanya ini akitek yang salah, sebab kaki anjung itu kecil, kata dia. Tetapi masa ditender, pelan itu tentu sekali akitek Kerajaan ataupun engineer menyemak, takkan dia tak menyemak tender \$150,000, tentu sudah disemak kalau disemak maknanya pelan yang dibuat oleh akitek itu tidak layak, mengapa diluluskan? Dia boleh objek, pelan ini kecil kakinya, kalau dibuat kerja dengan besi sekian banyak, tak boleh dipakai, tak boleh tahan. Sudah roboh baru kita nampak salahnya. Bila disiasat tempat yang roboh itu, saya sendiri pergi siasat didapati besi kaki anjung itu kecil, dan patah, barulah sekarang sedar. Akitek itu mengakui kaki itu kecil tak padan dengan bangunan. Walaupun tidak melibatkan barangkali wang J.K.R., J.K.R. kata dia tak ada campur tangan sebab akitek yang membuatnya ialah akitek luar, tetapi imej Kerajaan terjejas. Orang kampung tahu itu kerja J.K.R. sebab ditender oleh J.K.R. Jadi imej Kerajaan kita terjejas, maknanya inilah kerja yang dibuat oleh J.K.R., belum lagi siap bangunan itu sudah roboh, nasib baik tak ada orang di bawahnya. Kalau ada, saya rasa, kalau bangunan itu siap, ada orang lalu-lintas di bawahnya, kemudian roboh, tak tahu berapa jiwa yang akan melayang akibat runtuhnya bangunan itu. Dan akitek itu sendiri mengakui kesalahannya dan dia sudah betulkan dengan pelan yang lain.

Kalau dari dahulu lagi disiasat perkara yang semacam ini oleh jurutera kita, akitek kita dan J.K.R. masa hendak ditender, tentu sekali tak terjadi seumpama ini, sebab bangunan \$150,000 bukanlah sedikit perbelanjaannya. \$100,000 belanja daripada Kerajaan Pusat dan \$100,000 daripada belanja Kerajaan Negeri. Orang ramai hairan melihat bangunan begini mahal boleh roboh sebelum siap bangunannya. Saya sendiri malu, sebab ianya di kawasan saya sendiri. Jadi dimintalah pada masa yang akan datang, dan saya harap teguran ini dianggap sebagai teguran yang membina, kerana kita sama-sama bertanggungjawab mengawal wang rakyat dan mengawal imej Kerajaan.

5.15 ptg.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Pengerusi, terlebih dulu izinkan saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan sumbangan dalam perbincangan ini dan telah memberi berbagai syor dan teguran.

Ahli Yang Berhormat dari Batu telah menimbulkan perkara memperelokkan jalan di Kepong. Dan suka saya menyatakan di sini projek untuk membaiki jalan itu telah diluluskan pada tahun 1975 dan kerja akan dijalankan pada tahun 1976. Pada masa ini kerja reka bentuk telah dijalankan dan kerja physicalnya akan dimulakan pada pertengahan tahun 1976. Satu perkara yang ditimbulkan oleh beliau berkenaan dengan kelambatan menyiapkan jambatan Endau. Dan begitu juga di luar jadual tetapi langkah-langkah telah diambil di mana pemborong telah digantung daripada menjalankan kerja-kerja lain sehingga projek itu siap.

Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar telah mempersoalkan mengenai kecilnya peruntukan yang diberi bagi Sarawak dalam Anggaran yang kita bahaskan. Peruntukan yang dibincangkan pada petang ini ialah untuk projek-projek yang telah diluluskan dan dimulakan pada tahun 1975 dan perlu diteruskan ke dalam tahun hadapan. Adalah dijangka bahawa peruntukan tambahan akan diluluskan lagi apabila Rancangan Malaysia Ketiga diluluskan.

Beliau juga menegur kurangnya peruntukan bagi membaiki dan pembinaan jalan luar bandar. Walaupun Anggaran tahun

1976 memberi peruntukan tidak begitu besar, tetapi perkara mengenai jalan-jalan luar bandar dan juga membaiki jalan akan dibincangkan dalam perbincangan Rancangan Malaysia Ketiga.

Ahli Yang Berhormat dari Parit telah menyuarakan berkenaan dengan kereta-kereta perdagangan yang pada masa sekarang diperiksa setiap 6 bulan sekali, dan beliau mengesyorkan supaya kereta-kereta itu diperiksa 3 kali setahun. Pemeriksaan 6 bulan sekali adalah dijangka memadai untuk menentukan keadaan-keadaan kereta perdagangan ini dan ini juga dari segi bayaran lesen jalan. Jika pemeriksaan dibuat 4 bulan sekali seperti yang dicadangkan itu tentu akan memerlukan banyak lagi kakitangan Kementerian saya dan akan menaikkan perbelanjaan kita lagi. Dan juga beliau telah menimbulkan perkara pengeluaran lesen-lesen yang lambat. Saya suka menyatakan di sini semenjak bulan Mac, 1974 pengeluaran lesen memandu telah menggunakan mesin-mesin dan oleh sebab itu pengeluaran lesen memandu telah dicepatkan dan kelambatan itu akan dihapuskan tidak lama lagi.

Ahli Yang Berhormat itu, juga menegur tentang jagaan patut dibuat tentang taraf penyelenggaraan jalanraya yang patut dilengkapi dengan papan-tanda. Peruntukan adalah mencukupi bagi tujuan kerja-kerja penyelenggaraan terhadap jalan-jalan, tindakan juga adalah diambil untuk memperbaiki bahagian-bahagian jalan dan ini mengikutlah kepada priority ataupun keutamaan.

Mengenai perkara penyelenggaraan kerja-kerja laut peruntukan adalah juga dianggap mencukupi untuk kerja-kerja menyelenggara kerja-kerja laut. Jeti-jeti serta lampu-lampu isyarat adalah dalam keadaan penyelenggaraan yang agak memuaskan.

Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani telah mengesyorkan supaya mengadakan penyelarasan antara Kementerian Kerja Raya dan Pengangkutan dengan Jabatan Talikom dan juga L.L.N. Tindakan telah diambil untuk menyelaraskan kerja-kerja di antara beberapa perbadanan seperti L.L.N. dan Talikom supaya kerja menggali ataupun mengorek jalan-jalanraya dapat dikurangkan

tetapi disebabkan oleh cepatnya pembangunan maka kita terpaksa menghadapi kesulitan demi untuk mencapai fungsi-fungsi pembangunan.

Ahli Yang Berhormat dari Jasin telah menimbulkan perkara pembinaan Bangunan R.I.M.V. Melaka untuk layanan rakyat di sebelah Johor Utara. Saya suka menyatakan bahawa bangunan ini akan dibina dalam Rancangan Malaysia Ketiga dan urusan pengambilan tanah sedang dijalankan.

Berkenaan dengan lesen memandu bagi murid-murid sekolah yang belum cukup umur, iaitu belum cukup 21 tahun, ini adalah satu perkara yang ditentukan oleh undang-undang kita dan pada setakat ini tidak dapat kita ubahkan. Akan tetapi jika pada satu masa yang akan datang keadaan memaksa kita mengkaji semula oleh sebab keadaan yang mungkin buruk, kita akan buat kajian semula tentang perkara ini.

(Tuan Azahari bin Md. Taib *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor menimbulkan perkara mengenai meter reading. Kementerian saya mengucapkan terima kasih kepada beliau yang telah memberi sokongan atas perlunya lebih kikitangan supaya Pembaca-pembaca Meter itu dapat diselenggarakan dengan lebih memuaskan. Dalam perkara ini kebanyakan negeri-negeri kita ada menjalankan kerja membaca meter itu tiap-tiap bulan tetapi kadangkalanya untuk menjimatkan kos, setengah-setengah negeri-negeri kita telahpun mengurangkan kerapnya membaca meter itu dan sudah menjalankan sekali sahaja dalam 2 bulan. Perkara ini tentulah menyusahkan sedikit sebanyak kepada consumer kita dan buat sementara waktu Kementerian saya berharap kerjasama diberi oleh consumer kita ini atau inconvenience buat sementara waktu ini. Tuan Pengerusi, tiap-tiap negeri kita ada procedure yang asing, yang spesifik untuk memberi peringatan (warning) dan lazimnya dalam surat amaran itu ada menghadkan satu masa untuk mengutip pembayaran itu. Akan tetapi lazimnya juga tempoh yang diberi itu tidak dijalankan dengan keras.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor juga telah menimbulkan perkara mengorek jalan dan oleh sebab saya telah menjelaskan atas perkara itu, jadi tidak payah saya ulangi lagi.

Tentang pembekalan air tentulah ada tempat-tempat yang belum dilayan dan ini disebabkan oleh keutamaan dan kemampuan kewangan. Saya harap juga pada masa akan datang apabila keutamaan itu mengizinkan bekalan air itu akan dijalankan dengan lebih memuaskan.

Mengenai bas-bas sekolah terlampau sesak dengan murid-murid yang dikatakan menimbulkan merbahaya apabila bas-bas ini berjalan di atas jalanraya kita yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor juga, saya suka memaklumkan di sini tindakan-tindakan penguatkuasaan sedang diambil oleh pegawai-pegawai Jabatan Pengangkutan Jalan untuk memeriksa kenderaan-kenderaan itu, bukan sahaja bas-bas sekolah tetapi juga lori, bas-bas biasa, teksi dan sebagainya. Pemeriksaan ini juga meliputi kenderaan-kenderaan yang membawa penumpang-penumpang lebih, lori membawa muatan berat dan lain-lain kesalahan. Kementerian saya sentiasa ada menggalakkan individu-individu supaya menjalankan perkhidmatan bas sekolah secara persendirian untuk memenuhi kehendak-kehendak murid-murid sekolah dan supaya masalah kesesakan di dalam bas-bas ini dapat diatasi atau dikurangkan.

Berkenaan dengan teksi luar bandar, kekosongan-kekosongan teksi ataupun kereta sewa di sesuatu kawasan adalah ditentukan oleh Lembaga Penasihat. Angka maklumat bagi kereta sewa yang ditubuhkan di tiap-tiap negeri Lembaga ini adalah mengkaji keperluan perkhidmatan teksi ataupun kereta sewa di satu-satu kawasan di dalam negeri masing-masing dari satu masa ke satu masa. Lembaga Penasihat itu mengesyorkan kepada Lembaga Pelesenan di Kementerian saya untuk mengisikan kekosongan tersebut. Lembaga Pelesenan itu akan mengeluarkan permit sebanyak mana yang disyorkan oleh Lembaga Penasihat ini. Saya akan mengambil perhatian juga atas syor yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor supaya surat sokongan daripada Wakil Rakyat dalam perkara ini dapat dipertimbangkan dengan sebaik-baik yang boleh.

Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani telah menimbulkan perkara pembinaan Pejabat R.I.M.V. di Sungai Petani. Saya suka memberitahu di sini bahawa rancangan ini adalah di dalam Rancangan Malaysia

Ketiga bagi faedah dan kemudahan-kemudahan orang ramai di Daerah Sungai Petani umumnya.

Berkenaan dengan cadangan tempat menyimpan topi keledar di pusat-pusat orang ramai, saya percaya kemudahan ini memang sedia ada terdapat di Kuala Lumpur dijalankan oleh orang-orang persendirian dengan mengutip bayaran 10 sen ataupun 20 sen setiap topi keledar dan saya harap perkara ini dapat diluluskan oleh orang-orang persendirian yang mampu dalam perkara ini dan di pusat-pusat perniagaan itu. Mungkin pada satu hari pihak yang menjalankan perniagaan itu akan menyiapkan tempat masing-masing.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang minta bahan-bahan Kempen Keselamatan Jalanraya disampaikan dengan lebih berkesan kepada orang ramai. Saya suka menyatakan di sini pada tiap-tiap tahun semasa kempen Keselamatan Jalanraya, Majlis Keselamatan Jalanraya kita ada mengeluarkan bahan-bahan seperti car sticker, risalah-risalah dan sebagainya yang mengandungi ajaran-ajaran dan cogan-cogan kata "Keselamatan Jalanraya.". Bahan-bahan ini diperbanyakkan dari setahun ke setahun mengikut keadaan kewangan kita dan risalah yang telah kita keluarkan pada tahun 1975 itu telah meningkat lebih kurang 300,000 helai, pelekat-pelekat kereta itu 20,000 keping dan poster-poster 20,000 juga.

Berkenaan dengan pembekalan air di Tanjong Karang, Kerajaan Federal kita sudah ada sediakan program atau rancangan yang melibatkan \$5 juta bagi tahun yang lepas dan juga pada tahun ini. Wang ini sudah dibelanjakan untuk membantu negeri-negeri kita untuk menyambung pembekalan air itu lagi kepada kawasan-kawasan desa, dan wang ini diberi dalam rancangan ini sebagai Grant kepada negeri-negeri kita. Dalam kes Tanjong Karang Kerajaan Negeri pada masa sekarang pun sedang menjalankan satu rancangan yang melibatkan wang \$4,200,500 untuk memperelokkan lagi pembekalan air itu di Kuala Selangor dan paip-paip itu telah siap untuk Tanjong Karang dan oleh sebab ini pembekalan air sebelah Sana dan Sekinchan telah dibaiki sedikit sebanyak. Dijangka, Tuan Pengerusi, apabila projek atau rancangan ini siap nanti keadaan itu akan diperelokkan lagi.

Yang Berhormat daripada Kuala Lumpur Bandar telah menyentuh perkara pemohon-pemohon teksi yang telah memandu lebih 20 tahun. Saya tidak tahu, Tuan Pengerusi, jika seorang telah membawa teksi selama 20 tahun agaknya sampai sekarang pun sudah tua, tetapi saya telah memberi jawapan kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong mungkin pemohon-pemohon ini tinggal luar dari kawasan Bandaraya Kuala Lumpur atau pun tidak mencukupi syarat-syarat kelayakan yang lain. Akan tetapi, jika Ahli Yang Berhormat itu boleh memberikan kes yang specific untuk kajian saya mungkin Kementerian saya akan memberi satu jawapan yang lebih memuaskan dan lebih tepat.

Mengenai dengan teksi bulat, teksi yang ada tanda bulat untuk Kuala Lumpur ini yang tidak dibenarkan keluar daripada kawasan Bandaraya Kuala Lumpur. Perkara inipun telah ditimbulkan dalam satu dailog yang telah dipengerusikan oleh saya sendiri pada 4hb Disember, 1975 dan perkara ini akan dikaji semula.

Pekara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat yang sama apakah tindakan tentang satu memorandum dari Persatuan Pemandu-pemandu Teksi untuk menaikkan tambang dari 50 sen kepada 60 sen sebatu. Perkara ini saya suka memberitahu Ahli Yang Berhormat itu masih dalam kajian Kementerian saya, dan bukan dilupakan.

Ahli Yang Berhormat daripada Teluk Anson yang telah meminta menyediakan tempat untuk pelajar-pelajar pemandu. Perkara ini memang adalah untuk Sekolah-sekolah Memandu menyediakan tempat-tempat untuk practise yang lebih baik bagi pelajar-pelajar memandu menggunakan jalan-jalan biasa supaya cepat mahir dalam memandu kereta-kereta. Maknanya ini adalah terpulang kepada tanggungjawab dan kebijaksanaan Sekolah-sekolah Memandu masing-masing.

Ahli Yang Berhormat dari Teluk Anson juga telah menimbulkan perkara bekalan air yang kononnya pemohon-pemohon itu telah menunggu selama 3 tahun tetapi belum dapat penyambungan lagi. Dalam perkara ini Kerajaan Negeri Perak memang sedar akan masalah ini dan sepanjang pengetahuan saya wang anggaran dan allocationnya bagi tahun 1976 telahpun ditambah dan oleh

sebab itu penyambungan itu akan dipercepatkan lagi. Lagi pun dalam satu sekim pinjaman yang telah diimplemantasikan di Hilir Perak lebih kurang pada tahun 1971 mengikut rekod saya pada masa sekarang daripada 407 pemohon itu hanya 30 pemohon yang belum dapat dilayan dan yang 30 pemohon itu yang belum dapat dilayan itu termasuklah pemohon-pemohon sendiri yang belum mengisikan borang-borang dengan memuaskan dan apabila mereka itu tampil ke hadapan untuk mengisikan borang itu perkara ini akan lenyap dengan sendirinya.

Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh telah menggesa supaya Kementerian memperbaiki jalan daripada Batu $8\frac{1}{2}$ hingga $10\frac{1}{2}$ di Port Weld dan saya ucapkan tahniah kepada beliau kerana mereka mengambil minat sendiri di atas perkara ini bukan dalam Dewan ini tetapi di luar Dewan juga. Saya suka menyatakan di sini jambatan-jambatan yang tidak begitu memuaskan sedang diganti dan juga kerja-kerja reka-bentuk sedang dijalankan. Peruntukan juga adalah diminta dalam membahaskan Rancangan Malaysia Ketiga untuk memperbaiki jalan-jalan di mana dinaiki air bah dan juga untuk memperkuat tebing-tebing jalan itu.

Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh juga telah mengesyorkan supaya mengadakan pejabat cawangan R.I.M.V. di Taiping. Cadangan untuk mengadakan sebuah pejabat cawangan di Taiping telah dikemukakan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga bagi Jabatan Pengangkutan Jalan.

Ahli Yang Berhormat daripada Setapak telah menimbulkan perkara pembinaan bangunan FIDA yang terlambat. Reka-bentuk bangunan baru FIDA itu adalah diberikan kepada suatu firma consultant Jurubina, dan mereka sedang menyiapkan reka-bentuk akhir dan Working Drawings berdasarkan kehendak-kehendak yang diminta oleh FIDA. Tawaran dijangka akan dipanggil pada pertengahan tahun 1976. Kelambatan ini adalah disebabkan oleh keputusan Kerajaan untuk memberi ruang pejabat yang lebih di dalam bangunan yang baru ini untuk menempatkan lain-lain Badan Berkanun yang memerlukan ruang pejabat itu.

Ahli Yang Berhormat dari Setapak juga telah menimbulkan perkara tanah orang Melayu yang terlibat dalam pembinaan

Lebohaya Kuala Lumpur-Karak. Kementerian saya telah menerima beberapa permintaan untuk meminda alignment ataupun aliran Lebohaya Kuala Lumpur-Karak dan kesemua permintaan telah dikaji dengan teliti, tetapi dengan malangnya setengah-tengah tanah orang Melayu yang terlibat itu tidak boleh dielakkan. Alignment yang telah dipilih ialah alignment yang akan melibatkan sebilangan tanah orang Melayu yang terkecil sekali. Jalan yang dibina pada masa ini adalah berubah sedikit alirannya jika dibandingkan dengan aliran asal. Ini adalah bertujuan untuk mengelakkan daripada tanah-tanah Melayu itu terbahagi dua. Kerajaan cuba membina aliran jalan di tepi-tepi kawasan-kawasan reserve itu. Kerja-kerja penyesuaian untuk mengurangkan seberapa yang boleh tentang pengalihan rumah-rumah yang terlibat sedang dijalankan. Walau bagaimanapun, untuk mengubah aliran jalan itu ke sebelah barat adalah tidak dapat dijalankan disebabkan di kawasan itu terdapat kerja-kerja lombong yang sedang berjalan.

Ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat telah menimbulkan perkara penyertaan bumiputra dalam bidang pengangkutan patut dikaji tentang pelaksanaannya. Dalam perkara ini saya suka hendak membuat jaminan di sini Kementerian saya memang menggalakkan penyertaan bumiputra dalam bidang pengangkutan dan perlaksanaan ini sentiasa dikaji dari satu masa ke satu masa.

Berkenaan dengan syarat-syarat bas juga dalam perkara penyertaan bumiputra, polisi mendapatkan 30% penyertaan bumiputra sebelum tahun 1990 sedang diselenggarakan. Beberapa syarikat bas dari satu masa ke satu masa telah menggunakan peratusan penyertaan bumiputra dan perlaksanaan polisi ini setakat ini dianggap memuaskan.

Ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat telah menimbulkan perkara pembayaran road tax dan lesen memandu pada akhir bulan dan permulaan bulan yang telah mendatangkan congestion—atau penuh sesak di Pejabat R.I.M.V. Beliau minta supaya ini boleh dielakkan. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum pengeluaran road tax ada dijalankan mulai 1hb dan 16hb supaya peak period itu boleh dijadikan dua kali sebulan dan bukan sekali sahaja yang tentu telahpun melahirkan congestion itu. Saya suka menasihatkan orang ramai melalui Dewan yang mulia ini supaya lesen memandu boleh dibayar dua

bulan sebelum lesen memandu itu habis tempohnya. Dengan cara itulah orang ramai dapat memberi kerjasama kepada Kementerian saya yang tentu boleh kendur keadaan congestion itu.

Satu perkara yang telah ditimbulkan oleh rakan saya Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor, saya silap dan terlupa tadi dan saya suka tambah pada masa sekarang iaitu mengenai mini-bus. Beliau telah syorkan supaya lesen diberi kepada Pengurus-pengurus yang sedia menjalankan mini-bus itu dengan menggunakan kenderaan-kenderaan second-hand. Rancangan mini-bus telah diadakan untuk membaiki sistem pengangkutan awam. Pada masa sekarang sistem pengangkutan tidaklah berapa memuaskan oleh kerana banyak bas yang digunakan sekarang adalah bas lama dan selalu rosak dan mengganggukan lalu-lintas kita dalam bandar. Tujuan untuk mengadakan mini-bus ialah untuk mengadakan perkhidmatan yang cepat dan juga cekap dan oleh kerana itu adalah dasar Kementerian ini bahawa banyak mini-bus yang baharu digunakan. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum banyak teguran telahpun diterima mengenai bas-bas yang rosak dan Kementerian saya pada setakat ini tidak ing n kerosakan berlaku terhadap mini-bus. Oleh sebab itu Kementerian saya pada setakat ini tidak dapat menerima syor itu, akan tetapi pada satu masa yang akan datang jika keadaan yang lebih memerlukan timbul mungkin perkara ini dapat dikaji lagi. Tetapi pada setakat ini memang Kementerian saya dukacita tidak dapat menerima syor itu.

Ahli Yang Berhormat dari Ledang yang telah menimbulkan perkara kos yang tinggi untuk membina bangunan-bangunan Kerajaan. Saya tidak menafikan bahawa kos berkenaan dengan bangunan-bangunan Kerajaan yang kecil itu lebih mahal kalau dibandingkan dengan kos projek yang lebih besar yang telah dibina dalam dua tahun yang lalu, tetapi ini disebabkan inflasi dan kos-kos lain yang terlibat dalam pembinaan bangunan-bangunan itu. Jika ada kerosakan ataupun kekurangan dalam bangunan-bangunan itu adalah menjadi syarat jika telah diberitahu dalam 6 bulan itu kelemahan ataupun kekurangan itu boleh dibaiki.

Berkenaan dengan teguran yang telah disampaikan oleh Ahli dari Tanjung Malim, ini satu perkara yang Kementerian saya telah mengambil perhatian melalui Ahli Yang

Berhormat sendiri juga baharu-baharu ini dan oleh sebab itu saya sendiri telah mempergunakan satu dialog baharu-baharu ini di bandar Tanjung Malim dan semua aspek yang berkenaan telahpun diterangkan dengan seberapa memuaskan yang boleh di dalam dialog itu.

Tuan Pengerusi, jadi itu sahajalah setakat ini yang saya hendak komenkan dan jika ada teguran-teguran lain yang saya belum membuat jawapan atasnya, saya minta maaf daripada Ahli-ahli Yang Berhormat itu, bukan Kementerian ini melupakan cadangan-cadangan dan syor-syor yang mungkin saya tidak sempat untuk menjawabnya, tetapi akan cuba dikaji oleh pegawai-pegawai tinggi saya dan akan dipertimbangkan satu-persatu dengan sebaiknya.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$73,778,900 untuk Kepala B. 64 dan \$6,370,700 untuk Kepala B. 65 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$379,199,180 untuk Kepala P. 64 dan \$2,284,000 untuk Kepala P. 65 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan Sementara, 1976.

Tuan Pengerusi: Yang akhirnya ialah Anggaran Kementerian Tanah dan Galian. Saya jemput Yang Berhormat Menteri yang berkenaan berucap.

Kepala B. 66 (Jadual)—

Kepala P. 66 (Anggaran Pembangunan Sementara, 1976)—

5.51 ptg.

Timba'an Menteri Tanah dan Galian (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Pengerusi, saya pohon mengemukakan Anggaran Perbelanjaan bagi Kementerian Tanah dan Galian di bawah Kepala:

B. 66	...	...	...	\$ 36,108,100
P. 66	...	...	...	\$302,206,104
Jumlah				\$338,314,204

dijadikan sebahagian daripada Jadual Rang Undang-undang Perbekalan ini.

Peruntukan yang berjumlah \$36,108,100 di bawah Kepala B. 66 adalah dibahagikan kepada beberapa kegiatan-kegiatan iaitu:

- (i) Pentadbiran Am (Ibu Pejabat)
- (ii) Jabatan Ukur
- (iii) Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
- (iv) Jabatan Perhutanan
- (v) Jabatan Galian
- (vi) Jabatan Penyiasatan Kajibumi
- (vii) Jabatan Mergastua

Ingin saya menarik perhatian Dewan yang mulia ini bahawa jumlah peruntukan sebanyak \$36,108,100 ini dikehendaki bagi tahun 1976 adalah kurang sebanyak \$341,139 jika dibandingkan dengan peruntukan bagi tahun 1975.

Satu bahagian iaitu Bahagian Penguatkuasa di bawah Akta Penanam Padi Tahun 1967 dahulunya di bawah Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar di bawah B. 17 telah dipindahkan di bawah Kementerian ini sejak 3hb Februari, 1975. Tujuan bahagian ini adalah untuk mengawal sewa dan menjamin pemegangan tanah. Akta penanam padi ini adalah dijalankan di tujuh buah negeri di Semenanjung Malaysia iaitu Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Trengganu dan Kelantan.

Di bawah Pecahan-kepala 1100 tambahan sebanyak \$1,053,522, adalah untuk menemui bayaran kenaikan gaji tahunan pegawai-pegawai dan kakitangan.

Di bawah Pecahan-kepala 1200 tambahan sebanyak \$156,586 adalah diperlukan untuk membiayai elaun bantuan khas kepada pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan yang menerima gaji bersih \$500 sebulan dan ke bawah.

Di bawah Pecahan-kepala 2500 tambahan sebanyak \$115,900 adalah dikehendaki untuk membayar cukai tanah bagi bangunan-bangunan Kerajaan.

Sebanyak \$184,200 yang diuntukkan di bawah Pecahan-kepala 2900 adalah dikehendaki untuk membiayai bayaran perkhidmatan iktisas (professional and expert service fees), keraian dan hospitality dan juga menemui elaun-elaun penuntut (students' allowance) yang akan berlatih di Sekolah Membalak di Trengganu.

Peruntukan sebanyak \$1,194,100 di bawah Pecahan-kepala 4100—adalah dikehendaki untuk memberi bantuan/sumbangan kepada Kerajaan Negeri Sarawak dan Persatuan Perhutanan Antarabangsa (International Forest Association).

ANGGARAN PEMBANGUNAN

Berkaitan dengan Anggaran Pembangunan pula, Kementerian ini memerlukan peruntukan sebanyak \$302,206,104 untuk menemui perbelanjaan mengenai pengurusan dan pembangunan mengikut pecahan-kepala yang berikut:

Pecahan-kepala 1,2, dan 4—Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)—\$264,320,000

Sejak pada tahun 1957 sehingga akhir tahun 1975 ini, FELDA telah membuka tanah seluas 720,090 ekar untuk pertanian, dan 49,198 ekar untuk perkampungan. Sejumlah 34,000 keluarga juga (atau lebihkurang 204,000 orang) dianggar akan ditempatkan dalam kawasan-kawasan perkampungan yang dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan awam dan kemasyarakatan seperti jalan-jalanraya, bekalan air, klinik, sekolah, balairaya, balai polis, wakil pos dan lain-lain. Luas kawasan yang ditanam dengan sawit ialah 448,657 ekar, di mana seluas 249,050 ekar telah mengeluarkan hasil. Daripada jumlah 259,812 ekar yang ditanam dengan getah, seluas 109,750 ekar telah ditoreh. Kawasan yang ditanam dengan tebu pula adalah berjumlah 9,871 ekar dan daripada ini seluas lebihkurang 9,000 ekar telah mengeluarkan hasil. Kawasan yang ditanam dengan koko berjumlah 2,450 ekar dan dijangka akan mula berhasi pada tahun 1976. Adalah dianggarkan juga hasil-hasil sawit dalam tahun 1975 ini akan berjumlah 223,000 tan iaitu, minyak sawit 187,000 tan dan isi sawit 36,000 tan, pengeluaran getah sebanyak 50,000 tan dan tebu sebanyak 260,000 tan.

Dari segi pembukaan tanah, FELDA telah membuktikan kecekapan dan kebolehannya dan dapat melaksanakan tugas-tugasnya lebih daripada matlamat yang ditetapkan oleh Kerajaan. Sebagai buktinya FELDA telah melebihi matlamat asal bagi Rancangan Malaysia Kedua seluas 275,000 dengan membuka seluas 412,375 ekar dari tahun 1971 hingga 1975.

Dalam tahun 1976 pula FELDA akan membuka 84,300 ekar tanah lagi untuk ditanam dengan kelapa sawit, getah dan koko. Ini adalah sebagai tahun pertama pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga (RMK 3) dalam mana FELDA telah ditugaskan untuk membuka sebanyak 350,000 ekar tanah dalam tempoh rancangan tersebut.

Untuk membolehkan FELDA meneruskan pelaksanaan kegiatan-kegiatannya dalam tahun 1976, Kerajaan telah mengadakan peruntukan berjumlah \$264,320,000. Sebanyak \$53,353,000 akan digunakan untuk perbelanjaan pengurusan dan \$210,967,000 untuk kerja pembangunan.

Peruntukan sebanyak \$264,320,000 ini akan digunakan oleh FELDA untuk dua perkara yang berasingan. \$195,587,000 adalah peruntukan pinjaman yang akan dikutip kembali daripada peneroka kelak dan baki-nya sebanyak \$68,733,000 adalah peruntukan perbelanjaan langsung. Daripada jumlah perbelanjaan langsung ini, \$53,353,000 akan digunakan untuk perbelanjaan pengurusan FELDA, dan sebanyak \$15,380,000 akan digunakan untuk membiayai kerja-kerja pembangunan perkhidmatan awam—\$10,000,000 akan digunakan untuk pembinaan jalan-jalan di kawasan selain daripada Jengka Tiga Segi, dan \$1,770,000 akan digunakan untuk pembinaan bekalan air dan \$3,610,000 untuk pembinaan jalan-jalan dalam kawasan Jengka Tiga Segi. Peruntukan pembinaan jalan adalah untuk membina jalan-jalan masuk dan jalan-jalan kampung di rancangan-rancangan FELDA termasuk Jengka Tiga Segi dan perbelanjaan akan meliputi kerja ukur, merata tanah dan meletakkan batu permukaan. Peruntukan pembinaan bekalan air adalah untuk perbelanjaan loji penapis, tangki air dan paip-paip untuk mengadakan bekalan air di rancangan-rancangan Jengka Tiga Segi. Pelaksanaan kerja-kerja pembangunan perkhidmatan awam akan dikendalikan oleh Jabatan Kerja Raya.

Peruntukan pinjaman sebanyak \$195,587,000 akan digunakan untuk membiayai projek-projek berikut:

- (a) Pembukaan dan Penjagaan Rancangan.
- (b) Pembangunan Tapak-tapak Rumah Peserta.
- (c) Pembinaan Rumah-rumah Peserta.

(d) Pinjaman Sara Hidup Peserta.

(e) Kemudahan-kemudahan Memproses.

Butir-butir lanjut mengenai penjelasan projek-projek tersebut di atas ada tercatat di muka 700 dan 701, Kertas Perintah 37/76.

Daripada berbagai-bagai peruntukan pinjaman yang diterangkan di atas, maka dapatlah dilihat bahawa FELDA akan terus memainkan pelbagai peranan menyeluruh yang lebih besar dalam usaha pembukaan tanah dan penempatan peserta-peserta. Segala usaha-usaha yang dijalankan ini akan menghasilkan pembukaan tanah pertanian yang lebih besar dan seterusnya meninggikan taraf hidup peserta-peserta. FELDA sebagai satu agensi yang bertanggungjawab dalam kerja pembangunan pertanian akan terus memainkan peranan untuk menolong mengurangkan jurang perbezaan ekonomi yang tidak seimbang yang didapati di antara penduduk di dalam dan di luar bandar.

Pecahan-kepala 5 dan 7—Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara (FELCRA)—\$19,429,284

Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Persekutuan atau FELCRA ditubuhkan dalam tahun 1966 mengikut Akta No. 22 Tahun 1966 dengan tujuan memberi peluang pekerjaan kepada belia-belia dan juga kepada keluarga-keluarga yang tidak mempunyai tanah, serta memperbaiki kedudukan ekonomi rakyat dan seterusnya meninggikan pendapatan mereka melalui pembukaan rancangan-rancangan tanah belia, rancangan-rancangan tanah pinggir dan juga melalui pemulihan tanah-tanah milik khasnya rancangan tanah pinggir yang dibuka oleh Kerajaan-kerajaan Negeri yang didapati tidak berjaya.

Kejayaan Rancangan Malaysia Pertama dan Rancangan Malaysia Kedua

FELCRA telah giat memulihkan rancangan-rancangan tanah negeri yang telah ataupun hampir gagal seluas 23,885 ekar, dan telah membuka 39,791 ekar tanah pinggir serta 18,964 ekar untuk rancangan tanah belia di negeri-negeri Semenanjung Malaysia. Di bawah Rancangan Malaysia Kedua, Lembaga telah memulih/membuka 67,358 ekar. Dari jumlah ini, 53,456 ekar telah ditanam dengan getah, 12,432 ekar untuk kelapa sawit dan 1,470 ekar untuk padi.

Dengan pelaksanaan rancangan-rancangan ini untuk kedua-dua Rancangan Malaysia Pertama dan Kedua, Lembaga akan memberikan peluang kepada 8,870 orang peserta untuk menyertai rancangan-rancangan tersebut.

Dari segi hasil dan pendapatan bolehlah dianggap bahawa Lembaga telahpun mencapai matlamat untuk meninggikan pendapatan peserta-peserta rancangan tersebut.

PENYATUAN TANAH

Selain daripada melaksanakan projek-projek yang telah dirancang sebagaimana di dalam Rancangan Malaysia Kedua, FELCRA akan memulakan usaha bagi Penyatuan Tanah, dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Penyelidikan sosio-ekonomi sedang giat dijalankan di Perairan Kemubu untuk tujuan tersebut. Kawasan Perairan Kemubu di Kelantan mempunyai keluasan 85,969 ekar dan luas pertaniannya meliputi 82,041 ekar. Kawasan ini diduduki 22,000 keluarga dan pembahagian purata ialah 2.2 ekar bagi satu keluarga. Kemajuan kerja-kerja penyelidikan luar (field survey) didapati memuaskan dan dijangka selesai sebelum akhir tahun ini.

AKTIVITI-AKTIVITI RANCANGAN MALAYSIA KETIGA

Di dalam jangka 5 tahun iaitu 1976-1980, Lembaga bercadang memulihkan 13 buah kawasan rancangan yang meliputi keluasan tanah 7,220 ekar dengan menempatkan 899 orang peserta. Lembaga akan membuka 23 buah rancangan tanah pinggir yang meliputi seluas 24,190 ekar yang dijangka akan menempatkan seramai 3,016 orang peserta dan 25 buah rancangan lagi yang meliputi keluasan tanah 25,000 ekar khas untuk 2,500 orang peserta-peserta belia di dalam jangka-masa yang sama, iaitu 42,330 ekar akan di-utuskan kepada tambahan getah dan 14,080 ekar kelapa sawit.

Pecahan-kepala 6—Ladang-ladang Awam—\$5,419,780

Peruntukan sebanyak \$5,419,780 adalah dikehendaki dalam tahun 1976 ini untuk menyambung tiga projek-projek Ladang Awam di kawasan-kawasan Bukit Besi, Trengganu meliputi 15,400 ekar tanah, Laka Temin, Kedah (8,000 ekar) dan Sungai Terah, Kelantan (11,500 ekar). Tujuan rancangan pembukaan ladang-ladang ini ialah

untuk memberi peluang pekerjaan kepada penduduk-penduduk tempatan dan juga menambahkan sumber hasil Kerajaan Negeri masing-masing.

Pecahan-kepala 15—Lembaga Kemajuan Tanah, Sarawak—\$7,870,010

Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak telah ditubuhkan pada awal tahun 1972 dengan tujuan mengambil-alih semua projek-projek tanah yang dahulunya diuruskan oleh Kerajaan Sarawak dan Sarawak Land Development Finance Corporation selain daripada melaksanakan projek-projek baru. Peruntukan pinjaman sebanyak \$7,870,010 adalah dikehendaki untuk membolehkan Lembaga tersebut membina bangunan tetap di Lambir-Subis bernilai \$4,810,000 melaksanakan projek-projek kilang kelapa sawit dan mengadakan pembangunan kawasan (field establishment) di Mukah. Peruntukan tanda sebanyak \$10 adalah disediakan bagi pemberian cara langsung.

Pecahan-kepala 25—Penentuan Tanda Sempadan Antarabangsa di antara Malaysia/Indonesia di Sarawak dan Sabah/ \$1,542,000

Perjanjian telah dibuat antara Kerajaan Republik Indonesia dan Kerajaan Malaysia bagi menjalankan projek ukuran dan penentuan Sempadan Antarabangsa antara Malaysia di Sabah dan Sarawak dan Republik Indonesia di Kalimantan Timur dan Kalimantan Barat.

Sempadan-sempadan Antarabangsa antara Malaysia dan Indonesia telah ditentukan dan diterangkan dalam perjanjian-perjanjian dan konvensyen-konvensyen (Treaties and Conventions) yang telah dibuat di antara Kerajaan British dan Kerajaan Belanda akan tetapi sempadan-sempadan ini belum lagi ditentukan secara terang dan resmi di permukaan bumi, melainkan di satu kawasan lebih kurang 18 batu di Sarawak dan di Pulau Sebatik di Sabah.

Oleh kerana beberapa kemajuan yang sedang diusahakan di sepanjang sempadan kedua-dua buah negara, maka adalah mustahak bahawa sempadan-sempadan ini ditentukan dengan terangnya dan ditandakan di permukaan bumi. Projek ini akan berterusan selama beberapa tahun.

Projek untuk Penentuan Tanda Sempadan Antarabangsa di antara Malaysia/Indonesia di Sarawak dan Sabah telah dimulakan pengukuran pada 9hb September, 1974.

Peruntukan sebanyak \$1,542,000 adalah dikehendaki untuk perbelanjaan utama anggaran pembangunan bagi projek ini.

Pecahan-kepala 50-56—Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia—\$1,971,000

Untuk membolehkan kerja-kerja pembangunan dilaksanakan oleh Jabatan Perhutanan pada tahun 1976, jumlah peruntukan sebanyak \$1,971,000 di bawah Pecahan-kepala 50 hingga 60 adalah dikehendaki untuk:

- (i) Membina rumah-rumah kakitangan, membeli kenderaan-kenderaan dan bagi penyelenggaraan jalan-jalan.
- (ii) Penilaian dan rawatan kawasan yang telah terpulih; kajian kesan-kesan kerja membalak kepada tanah dan air; percubaan jenis seluas 50 ekar dan menjalankan kajian serangga dan penyakit kayu.
- (iii) Menjalankan penyelidikan pengurusan hutan seluas 100,000 ekar; memproses data seluas 400,000 ekar dan pementaan hutan seluas 60,000 ekar.
- (iv) Untuk penyelidikan dan pengujian palpa, kertas, papan serpai dan kajian-kajian lain berkaitan dengan dengan industri perkayuan.

Di bawah Pecahan-kepala 16 peruntukan sebanyak \$200,000 adalah dikehendaki untuk meneruskan dengan pesatnya penyelidikan ke atas hutan-hutan bakau, paya gambut dan bukit.

Peruntukan sebanyak \$50,000 di bawah Pecahan-kepala 67 adalah diperlukan untuk menentukan sumber-sumber hutan supaya dapat memastikan kerja-kerja tebanan sistematik untuk perkembangan industri yang berasaskan kayu-kayan.

Pecahan-kepala 81-84 dan 96—Jabatan Penyiasatan Kajibumi—Semenanjung Malaysia dan Sabah—\$173,000

Peruntukan sebanyak \$173,000 adalah dikehendaki oleh Jabatan Penyiasatan Kajibumi seperti berikut:

- (i) Untuk mendapatkan alat-alat saintifik dan alat carigali yang sesuai demi

memperbaiki mutu kecekapan dan untuk memberi kemudahan di dalam kajian-kajian mineralogical, kimia dan petrological batu-batan dan galian-galian.

- (ii) Bagi penyiasatan-penyiasatan menentukan galian diusahakan untuk menilai kemungkinan galian kawasan-kawasan yang ditindak bagi rancangan-rancangan tanah oleh Kerajaan-kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri bagi maksud pembangunan di masa akan datang. Penyiasatan-penyiasatan ini sangat mustahak di dalam merancang pembangunan untuk mengelakkan kesilapan yang mungkin berlaku sekiranya kawasan-kawasan yang mengandungi timbunan galian yang bernilai ini diliputi oleh rancangan pertanian dan lain-lain rancangan kemajuan tanah. Peta-peta Punca Galian adalah mustahak kepada pelombong-pelombong dan ahli-ahli sains tanah bagi penempatan dan kefahaman punca-punca galian di sesebuah kawasan.
- (iii) Peruntukan juga adalah perlu untuk membeli alat-alat arkib supaya membolehkan kakitangan menyiasat kajibumi sejajar dengan maklumat kajibumi. Di dalam kajian punca-punca kajibumi dan galian sesebuah negeri, pembekalan buku-buku rujukan yang mengandungi pencapaian penyelidikan adalah mustahak kepada ahli-ahli sains tanah di Jabatan ini. Rakaman, fahrasat dan penyimpanan maklumat-maklumat saintifik adalah diselenggarakan untuk faedah kakitangan penyelidikan. Semua maklumat yang didapati akan dikumpulkan ke satu sistem umum. Perbelanjaannya dianggap sebagai satu daripada aspek penting di dalam kemajuan penyelidikan sehari-hari Jabatan Penyiasatan Kajibumi.

Dengan ini, Tuan Pengerusi, saya mohon izin supaya peruntukan di bawah Kepala Bekalan B. 66 dan Pembangunan P. 66 dalam Anggaran Belanjawan Persekutuan, 1976 bagi Kementerian Tanah dan Galian yang berjumlah \$338,314,204 diluluskan.

6.10 ptg.

Tuan S. Samy Vellu (Sungai Siput): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong peruntukan kepada Kementerian Tanah dan

Galian. Saya merojok kepada Kepala Pembangunan 66, Pecahan-kepala 1—Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan. Di sini suka-lah saya mengambil peluang mengucapkan tahniah kepada Kerajaan terhadap perlak-sanaan kemajuan tanah yang luas. Dengan cara yang demikian, tidak syak lagi memberikan peluang pekerjaan yang banyak dan penyertaan rakyat jelata di dalam sekim-sekim tanah tersebut.

FELDA telah melaksanakan rancangan-rancangannya dengan penuh kejayaan dengan cara membuka sekim-sekim tanah yang baru. Walau bagaimanapun, suka-lah saya menegaskan bahawa di dalam sekim-sekim FELDA keadaan hidup penduduk-penduduk masih belum diperbaiki lagi. Di dalam kawasan saya di Sungai Siput Sekim Lasa FELDA peserta-pesertanya masih belum mendapat layanan yang sempurna di dalam bekalan air yang mereka gunakan setiap hari. Banyak di antara penduduk-penduduk mendapat pe-nyakit selepas minum air yang dikatakan non-portable water. Suka-lah saya mencadangkan kepada Kementerian untuk memberikan perhatian yang sewajarnya terhadap keadaan kesihatan penduduk-penduduk tersebut.

Satu lagi perkara yang saya ingin menarik perhatian Kementerian ialah peruntukan tanah kepada bukan bumiputra. Beribu-ribu orang bukan bumiputra telah memohon untuk menyertai sekim-sekim FELDA. Saya telah difahamkan bahawa di antara beribu-ribu penduduk cuma sebilangan kecil sahaja yang telah ditawarkan kepada bukan bumi-putra. Oleh itu, saya merayu kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa sebilangan besar pekerja-pekerja estet yang telah kehilangan pekerjaan disebabkan sekim pemecahan dan kemajuan sekim perumahan tanah di estet-estet amatlah berharap kepada peluang menyertai sekim FELDA di dalam beberapa sekim tanah yang ada sekarang.

Tuan Pengerusi, suka-lah saya memohon dan merayu kepada Yang Berhormat Tim-balan Menteri supaya menimbangkan dengan perasaan simpati terhadap pemberian tanah kepada bukan bumiputra untuk mereka ber-sama-sama menyertai sekim-sekim FELDA. Pekerja-pekerja estet tersebut yang sedikit sebanyak telah mempunyai pengalaman dalam sekim-sekim tanah seumpama itu akan tetap dapat menjayakan sekim tersebut dengan baiknya sekiranya mereka diberi peluang. Seterusnya saya telah difahamkan

bahawa beribu-ribu rakyat Malaysia ke-turunan India telah memohon menyertai sekim-sekim FELDA tetapi malangnya mereka tidak diberi peluang.

Tuan Pengerusi, merojok kepada Kepala Pembangunan 66, Pecahan-kepala 1, kami dapati perbelanjaan \$50 juta telah disenarai-kan dan \$127 juta untuk pinjaman. Apabila jumlah wang yang banyak itu dibelanjakan untuk pembangunan saya yakin tiap-tiap orang hendaklah diberikan peluang menik-mati kemudahan-kemudahan itu.

Tuan Pengerusi, satu lagi perkara yang penting yang ingin saya kemukakan di sini ialah penempatan penduduk-penduduk di dalam sekim-sekim perumahan FELDA. Saya telah difahamkan bahawa penempatan itu adalah mengikut suku kaum masing-masing yang terdiri dari bumiputra dikumpul-kan di dalam satu kawasan manakala bukan bumiputra diasingkan di tempat lain. Tuan Pengerusi, apabila kita merancang usaha keharmonian kaum hidup aman dan perasaan saling mengerti di kalangan kaum-kaum yang ada di negara kita ini bagaimanakah kita akan berjaya mematuhi polisi ini sekiranya kita asing-asingkan mereka mengikut suku kaum. Saya fikir, FELDA hendaklah menun-jukkan satu contoh yang baik untuk menem-patkan semua masyarakat Malaysia tinggal di dalam kawasan yang sama. Ini akan dapat menjayakan cita-cita perpaduan yang memang digalakkan oleh Kerajaan kita.

Tuan Pengerusi, merojok kepada Pecahan-kepala 2—Jalan-jalan FELDA, kita telah memberikan peruntukan \$10 juta tetapi jalan-jalan yang menghala ke kawasan perumahan dan jalan-jalan di sektor sekim-sekim perumah-an FELDA masih belum ditar dan kebanyakannya masih tinggal di dalam keadaan lama dengan jalan-jalan batu gravel yang berlubang di sana sini dan setengah-setengahnya dalam sehingga 2 kaki. Saya harap Kementerian hendaklah memberi pe-rhatian kepada sekim Lasa yang ditempatkan di dalam rancangan FELDA di kawasan Parlimen saya dengan cara membaiki ke-adaan jalan dan kemudahan-kemudahan perumahan yang lain serta memberikan peluang kepada penduduk-penduduk di situ menikmati suasana hidup yang lebih baik.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, merojok kepada Kepala P. 66, Pecahan-kepala 7—Rancangan-rancangan Tanah Belia. Suka-lah saya meminta perhatian Dewan bahawa

Kerajaan telah berjanji kepada penduduk-penduduk belia untuk memberikan sebuah rumah kepada tiap-tiap belia yang telah menawarkan perkhidmatan 5 tahun. Dalam sekim tanah belia di Perlop 2 dan 3 di Sungai Siput yang ditempatkan oleh Kerajaan masih belum melaksanakan sekim-sekim yang tertentu. Walau bagaimanapun, belia-belia di tempat tersebut telah berkhidmat selama 6 tahun namun Kerajaan masih belum menimbangkan pemberian rumah kepada mereka. Walaupun selepas 5 tahun pembinaan rumah-rumah yang dijanjikan masih belum dimulakan. Belia-belia itu telah mengorbankan masa hidupnya yang berharga selama 6 tahun di kawasan-kawasan hutan. Mereka telah bekerja keras untuk menjayakan sekim-sekim tanah belia namun demikian masih tinggal di dalam rumah panjang sahaja.

Tuan Pengerusi, belia tersebut kini telah hampir berumur 25 tahun. Mereka akan berkahwin dan telah tiba masanya mereka diberikan taraf hidup yang sama seperti orang-orang yang lain. Saya harap Kementerian akan dapat menggunakan pengaruhnya dan membiayai Kerajaan Negeri Perak ke arah memberi peruntukan rumah kepada belia-belia di Perlop 2 dan Perlop 3 di Sungai Siput.

6.18 ptg.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya (Maran): Tuan Pengerusi, saya juga turut bangun menyokong anggaran belanjawan yang baru sahaja dibentangkan oleh Timbalan Menteri Tanah dan Galian sekejap tadi. Di samping memberikan sokongan, saya suka menyentuh sedikit mengenai Kepala P. 66 muka surat 459 di bawah Pecahan-kepala 1—Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan ataupun lebih popular dipanggil FELDA.

Sebagaimana Timbalan Menteri yang berkenaan sendiri mengetahui bahawa semenjak beberapa bulan yang sudah harga kelapa sawit telah jatuh meleset dan ini telah menimbulkan keluh-kesah di kalangan peneroka-peneroka FELDA. Keluh-kesah peneroka-peneroka ini telah beberapa kali disuarakan oleh mereka menerusi Jawatankuasa Kemajuan Rancangan masing-masing atau dikenali sebagai J.K.K.R. untuk tindakan akan tetapi nampaknya sehingga hari ini tidak ada sebarang tindakan pun yang diambil oleh Kementerian yang berkenaan. Wakil Rakyat Negeri di kawasan saya, telah menulis surat

kepada Menteri yang berkenaan tetapi sehingga hari ini surat tersebut belum lagi menerima sebarang jawapan.

Saya suka menarik perhatian Timbalan Menteri yang berkenaan sekali lagi bahawa keluh-kesah dan rayuan peneroka-peneroka ini adalah tulin dan menasabah sekali diberi pertimbangan yang sewajarnya. Semenjak harga kelapa sawit jatuh meleset, saya dapati bahawa pendapatan bulanan peneroka itu jauh lebih rendah daripada pendapatan mereka pada masa mereka berada di kampung-kampung dahulu iaitu semasa mereka belum datang meneroka rancangan-rancangan di FELDA. Pendapatan bersih bulanan mereka tidak melebihi daripada \$30 sebulan. Pendapatan sebenar mereka tidaklah begitu rendah akan tetapi oleh kerana terlalu banyak potongan hutang yang dibuat oleh FELDA dari pendapatan mereka itu, maka pendapatan bersih mereka telah menjadi begitu sedikit. Untuk membuktikan di sini, saya suka memberi sedikit contoh. Ini ialah contoh pendapatan bulan Ogos, 1975 bagi 23 orang peneroka di FELDA Jengka Empat. Pendapatan pada bulan Ogos ialah \$13,839.68 sen, berdasarkan kepada harga \$74.69 satu tan di dalam bulan Ogos. Potongan yang dibuat oleh FELDA ialah seperti berikut:

Potongan pertama/potongan tunggakan lebih bayar ...	\$ 26.63
Potongan tabung pembangunan	\$ 55.59
Potongan Pengangkutan buah	\$1,395.23
Potongan pedebungaan ...	\$ 594.03
Potongan penyakit pokok ...	\$ 149.94
Potongan simpanan untuk baja	\$2,313.63
Potongan penjaga jalan pertanian	\$ 150.39

Jumlah potongan di atas wang \$13,839.68 ialah \$4,685.44. Bakinya ialah \$9,154.24 dan inilah yang diberikan kepada 23 orang peserta ini tadi dan seorang peserta memperoleh sebanyak \$391.01 seorang. Kemudian ada pula potongan di atas orang per-seorang iaitu:

Potongan pertama/Bayaran kembali	\$150.00
Hutang kantin	\$ 71.61
Potongan cukai tanah	\$ 12.00
Potongan tanam semula	\$ 33.40
Potongan wang sagu hati	\$ 50.00

Kemudian ada lagi satu potongan yang saya sendiri tidak pasti yang diistilahkan sebagai TK iaitu \$31. Jumlah potongan ini ialah \$348.01. Daripada jumlah pendapatan sebanyak \$398.01 dipotong dengan \$348.01 tinggal \$50 sahaja.

Kemudian ada pula potongan yang ketiga iaitu potongan kantin, korporasi, potongan bayaran ketua blok sebanyak \$28.50 dan yang diterima bersih ialah \$21.50 itu belum lagi dipotong perkara-perkara seperti wang JKRR yang saya maksudkan tadi. Potongan khairat kematian, potongan syarikat kerjasama, potongan di atas TADIKA, potongan di atas tabung blok dan akhirnya peneroka ini tidak menerima satu sen pun. Begitulah keadaan peneroka-peneroka di FELDA sekarang ini. Jadi, jelaslah dari contoh yang saya berikan tadi bahawa potongan yang dikenakan terlalu banyak dan terlalu melebihi. Sungguhpun potongan ini agak perlu bagi pentadbiran FELDA akan tetapi apa yang saya maksudkan FELDA seharusnya memberi perimbangan di antara kepentingan FELDA dan kepentingan peneroka itu sendiri. Jikalau potongan ini hendak dibuat, saya rasa ianya masih boleh dibuat, tetapi pemotongan itu biarlah seimbang dengan harga kelapa sawit. Keadaan sekarang ini harga jatuh begitu rendah, sedangkan potongan yang dibuat oleh FELDA itu tidak turun walau satu sen pun. Kalau mengikut cara FELDA sendiri mungkin kalau harga kelapa sawit itu turun sehingga \$60 satu tan mungkin peneroka itu berhutang pula kepada FELDA, hutang kerana tidak bayar hutang yang patut dijelaskan pada tiap-tiap bulan. Perkara yang seperti ini telah mendatangkan keluh-kesah dan kerunsingan sehingga peneroka-peneroka sendiri mencaci Kerajaan dan sebagainya. Saya berharap benar kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan supaya mengambil pandangan yang berat di atas perkara ini dan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Satu perkara lagi ialah mengenai capacity kilang. Kilang-kilang yang ada di Kawasan Jengka Tiga Segi sekarang ini tidak mempunyai capacity yang cukup untuk memproses buah kelapa sawit yang dikeluarkan daripada kawasan tersebut. Kira-kira 20% daripada buah kelapa sawit peneroka terpaksa dibuang dan kerugian ini terpaksa ditanggung oleh peneroka itu sendiri dan

bukan ditanggung oleh FELDA. Saya berharap kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya dapat mengambil tindakan segera di atas hal ini dengan mempercepatkan penambahan capacity kilang yang saya sebutkan itu.

6.26 ptg.

Tuan Latip bin Haji Dris (Mukah): Tuan Pengerusi, mengenai Kepala P. 66, Pecahan-kepala 5—Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah serta Pecahan-kepala 7—Rancangan-rancangan Tanah Belia di muka surat 460. Peruntukan yang disediakan ini adalah untuk pembangunan bagi negeri-negeri di Semenanjung Malaysia sahaja. Sukacita saya merayu kepada pihak yang berkenaan dengan memandang kepada beberapa luasnya tanah dusun atau belukar kosong yang dipunyai oleh bumiputra suku kaum Dayak di Sarawak berhampiran tepi jalanraya baru dan di sekitar Rancangan Ladang Kelapa Sawit yang sedang dibuka oleh Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak. Ulu Mukah yang saya rasa sesuai untuk tanaman kelapa sawit, getah dan sebagainya. Oleh hal yang demikian, saya cadangkan Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah mahupun Lembaga-lembaga yang lain memberi galakan kepada rakyat yang kurang bernasib baik walaupun mereka itu bekerja kuat dan diberi segala kemudahan pinjaman atau bantuan bagi memajukan tanah-tanah kosong mereka di kawasan yang saya sebutkan awal tadi berserta dengan tunjuk ajar dengan teknik-teknik yang lebih baik di segi pertanian moden.

Bagi mengurangkan dan menghapuskan kemiskinan serta boleh memperbaiki kedudukan ekonomi yang tidak seimbang antara berbagai kaum rakyat Malaysia, saya berharap juga rancangan-rancangan tanah untuk belia-belia di Sarawak patut juga diadakan oleh pihak-pihak yang berkenaan untuk memberi pekerjaan dan jaminan hidup di masa hadapan kepada belia-belia di negeri Sarawak.

Menyentuh Pecahan-kepala 15 di muka surat yang sama—Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak yang mendapat peruntukan pinjaman sebanyak \$7,870,000. Apa yang saya ketahui dan lihat sendiri sebahagian daripada Rancangan L.K.T.S. ini adalah

yang boleh memberi dan menambah pekerjaan kepada buruh kasar yang terdiri kebanyakannya bumiputra di samping memperkuat lagi ekonomi negara di bidang kemajuan tanah serta memberi nafas baru kepada peneroka-peneroka atau peserta-peserta ke arah kehidupan yang lebih baik dan sempurna seperti yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sewaktu membentangkan Belanjawan ini sebentar tadi. Saya berharap juga segala kemudahan pinjaman atau bantuan yang dikehendaki oleh L.K.T.S. kepada pihak yang berkenaan seperti bank dan sebagainya dapat diberi dengan bayaran faedah yang kecil demi tujuan memajukan pembangunan pertanian moden serta membangun sosial dan kemudahan-kemudahan kepada rakyat yang miskin terutamanya bumiputra selaras dengan dasar ekonomi negara.

Kepala P. 66 juga, Pecahan-kepala 65, 66 dan 67 di muka surat 462 yang mendapat peruntukan sebanyak \$395,000 bagi negeri Sarawak. Hutan tidak asing lagi kepada kita lebih-lebih lagi bagi kami rakyat yang duduk di luar bandar. Sumber hutan sahaja untuk mendapatkan tukaran wang luar yang begitu banyak serta mendapat cukai sebagai hasil negeri di samping memberi berpuluh-puluh ribu pekerjaan kepada rakyat negeri ini, hutan adalah yang menjadi harapan besar kepada rakyat luar bandar seperti di Sarawak. Segala keperluan hidup banyak bergantung dengan sumber hutan. Umpamanya, untuk membina rumah kediaman, perahu, untuk binatang-binatang hutan berunding serta boleh juga mencegah berlakunya banjir dan banyak lagi perkara yang lain. Oleh hal yang demikian, penyelidikan kayu dan latihan teknik adalah sangat diperlukan dengan memandangkan bermacam jenis pokok besar yang tumbuh di hutan negeri Sarawak, samada di kawasan tanah paya mahupun bukit yang boleh dibuat papan yang teguh serta boleh dijadikan papan lapis dan sebagainya. Kemajuan perusahaan hutan sekarang telah begitu nampak yang menjadi kegemaran kaum modal di dalam dan luar negeri. Tokeh-tokeh perusahaan hutan di seluruh negara ini adalah orang yang ternama sebagai jutawan. Saya harap terutama di Sarawak segala kemajuan perusahaan hutan hendaklah diproses di dalam negeri ini sendiri supaya lebih ramai

lagi rakyat dapat bekerja di samping menentukan hasil-hasil hutan dapat kekal berpanjangan bagi keperluan rakyat dan negara kita sendiri.

Saya berharap juga Kementerian yang berkenaan akan memberikan peruntukan yang lebih banyak lagi di masa yang akan datang untuk kemudahan penyelidikan hutan di negeri Sarawak. Saya menyokong sepenuhnya peruntukan ini.

6.32 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Pengerusi, pertama saya rojak kepada Kepala B. 66, Aktiviti (5) Galian (b) Penguatkuasa Undang-undang.

Mengenai perkara ini, saya menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri kepada satu masalaah yang serius yang berlaku di negara kita ini mengenai keruntuhan tanah di lombong-lombong bijih timah. Dalam masa setahun lepas keruntuhan tanah maut telah berlaku di lombong-lombong khususnya di negeri Perak. Mengikut rekod kami sehingga hari ini 17 pekerja lombong telah terbunuh di negeri Perak akibat keruntuhan tanah dan juga baru-baru ini keruntuhan tanah lombong juga berlaku di Jinjang di negeri Selangor yang mana beberapa nyawa telah terkorban. Dalam pandangan saya kejadian-kejadian ini berlaku oleh kerana pelombong-pelombong tidak mengambil langkah-langkah keselamatan yang mencukupi khususnya di dalam musim hujan untuk menjamin pekerja-pekerja yang bekerja di lombong-lombong tersebut. Mungkin kemalangan itu berlaku oleh kerana pihak Jabatan Galian tidak ada kakitangan yang mencukupi untuk menjalankan pemeriksaan yang memuaskan di tiap-tiap lombong untuk menentukan samada mereka telah mengambil langkah-langkah keselamatan yang mencukupi untuk kepentingan pekerja-pekerja. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri akan menyiasat perkara ini untuk memastikan bahawa ada cukup kakitangan untuk menjalankan tugas-tugas mereka. Saya rasa masanya telah sampai bagi Kerajaan dan juga pelombong-pelombong mengiktirafkan sumbangan yang telah diberikan oleh pekerja-pekerja lombong kepada perusahaan bijih timah.

Mengenai mereka yang terkorban akibat keruntuhan tanah, saya ingin menarik perhatian Kerajaan terhadap wang pampasan

yang dibayar kepada keluarga si mati yang berkenaan, yang mana mengikut Ordinan Pekerja hanya \$7,200.00 yang maksima yang dapat diberikan. Tuan Pengerusi, ini amatlah tidak mencukupi kerana jumlah pampasan itu telah ditetapkan pada masa 10 tahun yang lepas. Pada pandangan saya, perkhidmatan dan sumbangan daripada pekerja-pekerja lombong perlu diiktiraf dengan lebih seriusnya.

Dalam hubungan ini saya rasa adalah perlu bagi Kerajaan untuk mempertimbangkan membentangkan satu Rang Undang-undang untuk menubuhkan suatu tabung yang bernama "Tabung Pekerja-pekerja Lombong Kemalangan dan Maut" (Mining Employees Accidents Fund) untuk tujuan membantu balu dan keluarga si mati. Dengan adanya satu tabung ini saya mencadangkan bahawa 5 sen sepikul dipotong daripada tiap-tiap jualan bijih timah pelombong-pelombong kepada syarikat pelaburan bijih timah. Potongan ini mestilah dibayar terus kepada tabung tersebut yang akan ditadbirkan oleh satu Lembaga yang mana ahli-ahlinya dilantik oleh Kerajaan.

Maka saya berharap pihak Kerajaan dapat memberikan pertimbangan kepada cadangan ini yang pada pandangan saya tidak akan ditentang oleh pelombong-pelombong.

6.35 ptg.

Dr Sulaiman bin Hj. Daud: Tuan Pengerusi, lebih dulu saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah membuat beberapa cadangan, syor dan teguran mengenai Kementerian ini dan saya akan cuba menjawab dengan serba ringkas teguran-teguran yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi.

Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput telah mengemukakan dan memberitahu Dewan tentang keadaan sekim FELDA di Lasah yang mana rupanya kekurangan bekalan air dan keadaan bekalan air untuk kegunaan orang di sana adalah tidak memuaskan. Memanglah menjadi prektis FELDA bahawa apabila sesebuah sekim itu dibuka, air adalah salah satu daripada infrastruktur yang diberi kepada satu-satu sekim, akan tetapi tidaklah dapat FELDA membuatkan atau menyambung paip terus ke tiap-tiap rumah. Tetapi prektis FELDA

ialah bahawa di dalam sekim-sekim itu diadakan satu stand-pipe umpamanya untuk satu kumpulan 6 buah rumah. Keadaan yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput adalah merupakan suatu keadaan yang tidak memuaskan. Saya akan mengambil perhatian atas teguran Ahli Yang Berhormat itu mengenai perbekalan air di Sekim Lasah.

Mengenai permohonan orang-orang bukan bumiputra masuk ke rancangan FELDA, saya selalu menyatakan dalam Dewan ini bahawa pengambilan peneroka di dalam sekim-sekim FELDA adalah terbuka kepada semua warganegara Malaysia tidak pandang suku kaum apapun asalkan sahaja pemohon memenuhi syarat-syarat yang dikehendaki oleh FELDA seperti umur di antara 18—35 tahun dan sampai 40 tahun untuk ex-servicemen dan juga mestilah ada mempunyai isteri. Jadi kalau kita lihat sekarang seperti selalu ditegurkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekim-sekim FELDA sekarang menggambarkan bahawa satu kaum sahaja yang lebih banyak iaitu orang-orang Melayu banyak dalam sekim-sekim ini. Ini memang benar. Akan tetapi, Tuan Pengerusi, kalau kita tilik dari sebelum tahun 1974, apabila sekim-sekim FELDA dibuka, kebanyakan orang-orang yang meminta masuk sekim itu adalah orang-orang bumiputra dan sangat sedikit di kalangan orang yang bukan bumiputra yang meminta masuk di dalam sekim-sekim itu. Ada juga buktinya, Tuan Pengerusi, bahawa di kalangan orang-orang bukan bumiputra apabila mereka sudah masuk di dalam sekim itu mereka keluar pula. Mereka sebenarnya tidak mempunyai kepercayaan bahawa sekim FELDA ini dapat mencapai kejayaan seperti yang kita saksikan sekarang ini. Oleh sebab itu, Tuan Pengerusi, kalau keadaan di FELDA sekarang menggambarkan bahawa banyak orang-orang bumiputra dan kurang orang bukan bumiputra dalam sekim itu ini bukanlah suatu kesalahan FELDA kerana FELDA memilih peneroka-peneroka itu menerusi point system satu sistem yang didapati sesuai and memuaskan.

Mengenai perbelanjaan besar yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, saya ingin menyatakan bahawa saya pernah dengar dan terbaca dalam suratkhbar bahawa FELDA ini membelanjakan wang sebegitu besar hanya untuk segelintar

rakyat Malaysia, umpamanya, bermillion ringgit wang dibelanjakan untuk hanya kurang lebih 200,000 orang.

Pada pendapat saya, Tuan Pengerusi, kita tidak patut dan tidak waras memikirkan perbelanjaan yang begitu besar daripada segi cost peneroka. Kita patut memikirkan perbelanjaan ini daripada segi investment dan multiply effects or the growth concept of the investment yang ditanamkan oleh FELDA dalam sekim-sekim begini. Kita mesti memikirkan daripada segi economic benefit, the social benefit yang investment seperti yang dibuatkan oleh FELDA dapat memberi kepada rakyat dan negara ini. Daripada pelaburan yang dibuat oleh FELDA seperti ini kita dapat menyelamatkan foreign exchange, kita mendapat foreign exchange earning dan juga mengadakan peluang-peluang bekerja untuk rakyat negara kita ini membuka auxiliary industries. Selain dari itu, kita boleh melihat juga dengan adanya sekim-sekim yang dibuat oleh FELDA kita nampak bahawa quality of life of the rural people memanglah baik (improves).

Mengenai rancangan tanah belia yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi saya ingin menyatakan bahawa Kementerian Tanah dan Galian akan mengadakan satu perbincangan mesyuarat dengan negeri-negeri di dalam Malaysia ini yang akan mengadakan sekim belia. Ini bertujuan mengkaji secara mendalam pelaksanaan rancangan-rancangan tanah belia dan juga untuk merangkakan satu dasar yang uniform supaya problem dan perbezaan perlaksanaan dan pentadbiran tanah ini dapat diatasi. Di antara perkara yang akan dipertimbangkan ialah soalan umur kerana didapati sekarang di beberapa negeri ada perbezaan tentang umur peserta cara pentadbiran tanah, kerana ada yang dijalankan oleh pihak Lembaga dan ada yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri, umpamanya, rancangan tanah belia Negeri Perak adalah merupakan satu projek Kerajaan Negeri. Selain dari itu, soalan pemberian hakmilik dan juga pemilihan peserta-peserta, dan perkara-perkara lain yang relevant. Kita hendak mencari jalan supaya dapat disamakan dan diselaraskan rancangan-rancangan belia ini.

Mengenai sekim seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungai

Siput tadi adalah satu sekim yang diselenggarakan oleh Kerajaan Negeri. Maka perkara yang ditimbulkan akan dipertimbangkan apabila mesyuarat ini diadakan kelak.

Menyentuh teguran-teguran yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Maran, sebenarnya saya tidak berapa mengerti keluh-kesah peneroka seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu dan beliau juga ada mengatakan bahawa surat rayuan telah dihantar kepada pihak Kementerian. Sebenarnya, saya sendiri tidak ada melihat surat ini, mungkin ada di pihak Kementerian. Beliau juga telah menyatakan pendapatan peneroka-peneroka di FELDA Sekim itu adalah sangat-sangat berkurangan oleh kerana banyak potongan daripada pihak FELDA sehingga beliau mengatakan bahawa pendapatan peneroka-peneroka itu adalah lebih kurang daripada pendapatan sebelum mereka masuk di FELDA Sekim. Saya rasa Ahli Yang Berhormat has not been very fair to FELDA kerana beliau menggambarkan satu gambaran yang tidak sebenar-benarnya apa yang berlaku di dalam sekim-sekim FELDA. Memang menjadi satu kenyataan, Tuan Pengerusi, bahawa peneroka-peneroka FELDA mengalami kemewahan bahkan buktinya nyata bahawa pada masa ini pengambilan ataupun permohonan-permohonan untuk rakyat Malaysia menyertai rancangan FELDA adalah lebih 20,000 orang sehingga kita terpaksa menutupkan application setakat ini. Kalaupun sekiranya keadaan di FELDA Sekim seperti yang digambarkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tadi saya tidak sangka dan mengapa orang begitu banyak hendak masuk dalam FELDA.

Mengenai pemotongan hutang ini memang sudah pasti kerana banyak daripada wang yang kita gunakan untuk merencanakan sekim-sekim FELDA ini adalah merupakan wang yang kita pinjam daripada bank bank luar negeri, daripada commercial institution dan lain-lain lagi dan wang ini terpaksa kita bayar balik. FELDA telah membuatkan beberapa rancangan supaya menyenangkan ahli-ahli peneroka, umpamanya, FELDA telah mencadangkan income stabilisation scheme and savings scheme. Kita telah mengemukakan perkara ini beberapa kali kepada pihak peneroka tetapi mereka telah menolak dan syukur alhamdulillah baru-baru

ini mereka telah bersetuju dengan prinsip-prinsipnya yang mereka akan menerima rancangan seperti ini dan kita berharap keadaan begini dapat membaiki lagi keadaan dan pendapatan peneroka-peneroka.

Mengenai kilang yang kurang capacitynya saya suka menyatakan bahawa apabila satu-satu rancangan itu dirancang oleh FELDA, dan satu-satu kilang itu dibangunkan FELDA takes into consideration of the output yang mungkin dikeluarkan oleh ladang itu. Jadi, bermakna satu-satu kilang itu dibangunkan dengan capacitynya cukup untuk memenuhi keperluan sekim itu, akan tetapi ada kadangkala pernah berlaku breakdown, accidents do happen, begitu juga kadangkala pengeluaran kelapa sawit ini lebih banyak dari biasa dan kadangkala ada juga oleh kerana, umpamanya waktu Hari Raya peneroka-peneroka itu tidak bekerja, cuti dua hari untuk Hari Raya lepas itu mereka memetik kelapa sawit, jadi banyaklah sekali pengeluarannya. Keadaan seperti begini memanglah ada berlaku dan memang diakui akan tetapi pada keseluruhannya tidaklah begitu buruk dan selalu. Dan juga kalau sekiranya satu-satu kilang itu tidak cukup capacitynya mengatasi ataupun memproses pengeluaran dari satu-satu ladang. FELDA menghantarkan kelapa sawit itu kepada kilang lain atas perbelanjaan FELDA.

Ahli Yang Berhormat dari Mukah telah menyentuh mengenai pembinaan tanah bumiputra di Sarawak dan juga meminta bantuan serta tunjuk ajar daripada pihak Kerajaan. Saya rasa perkara seperti ini memang sentiasa dijalankan oleh pihak Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Persekutuan. Bagi pihak Kerajaan Pusat kita memang mengadakan training facilities di FELDA umpamanya, di Institusi Pembinaan Tanah untuk pegawai-pegawai dari Sarawak dan juga Kerajaan Negeri mengadakan kursus-kursus mengenai agricultural development dan lain-lain lagi. Saya telah difahamkan bahawa Kerajaan Negeri Sarawak bercadang mengadakan satu badan yang akan dinamakan "SELCRA" yang mempunyai tugas-tugas lebih kurang seperti FELCRA di sini juga. Mengenai rancangan tanah belia memang ada satu rancangan di Miri, Sarawak dan perkara ini akan dikajikan lagi apabila Kementerian Tanah dan Galian mengadakan satu mesyuarat seperti yang saya sebutkan tadi.

Mengenai sumber hutan saya ingin menyatakan bahawa Kerajaan Negeri Sarawak mempunyai satu dasar hutan yang boleh dikatakan terbaik sekali dalam Malaysia ini yang mempunyai satu dasar yang ada foresight. Latihan memang sentiasa diadakan dan di sini juga kita boleh memberi segala pertolongan kepada pihak Kerajaan Negeri untuk melatih pekerja-pekerja hutan di sana dalam teknik-teknik membalak dan lain-lain lagi.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah menyentuh berkenaan dengan keruntuhan tanah di lombong-lombong. Saya ingin menyatakan bahawa soal ataupun the responsibility mengenai keselamatan pekerja-pekerja lombong adalah merupakan satu tanggungjawab the lessee (the miner) pelombong itu. Mengikut Seksyen 16 Mining Enactment ada mengatakan:

" that the lessee (i.e. the miner) will carry on all his mining operations in a safe, orderly, skilful, efficient workman-like manner and will not cause danger or damage to the owners or occupiers of other land and observe and perform all rules and orders made or given in pursuance of this Enactment or by virtue of any rule made thereunder."

Maka teranglah bahawa responsibility itu adalah responsibility of the lessee (the miner).

Mengenai keselamatan pekerja, Mining Enactment ada menyatakan: that the lessee will take all due and proper precaution and will comply with all requirements of the Senior Inspector as to the safety of all persons employed on the land. Di sini memang sudah nyata, Tuan Pengerusi, bahawa tanggungan (responsibility) ini adalah tanggungan the lessee (the miner). Bagi pihak Inspector of Mine ataupun Jabatan Galian hanya menentukan bahawa syarat-syarat ini dijalankan oleh pelombong-pelombong. Saya mengakui bahawa perkara keruntuhan telah berlaku di negeri kita ini tetapi ini merupakan accidents. Accidents are accidents. They are going to happen if they are going to happen anyway. Walau bagaimanapun, supervision oleh Jabatan Galian sentiasa dijalankan. Sebenarnya, kita juga kekurangan kakitangan, terutama sekali dalam lapangan Inspector of Mine di lombong-lombong kita, kalau tidak salah ingatan saya sekarang kita ada kekurangan lebih kurang 2 ataupun 4

orang pegawai. Merinyu-merinyu Galian mempunyai tanggungan yang berat. Umpamanya, di Negeri Perak seorang Inspektor menjaga lebih kurang 100 buah lombong, jadi tiadalah dapat mereka menjaga semua lombong dengan rapi dan terpaksa mereka memberi satu supervision yang lebih kepada lombong-lombong yang difikirkan kurang selamat atau merbahaya.

Mengenai tabung pekerja seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tadi saya bersimpati dengan cadangan oleh Ahli Yang Berhormat itu tetapi saya rasa pada setakat ini ahli-ahli pelombong (the miners) sedang mengalami satu bebanan yang agak berat juga dengan harga bijih timah yang semakin sehari semakin turun dan tax pun begitu banyak juga. Walau bagaimanapun, cadangan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat itu kita akan pertimbangkan. Kalau sekiranya didapati feasible dan dapat diterima ia akan dilaksanakan, tetapi saya tidak berjanji cadangan itu akan dilaksanakan, saya kata dipertimbangkan sahaja.

Saya rasa, Tuan Pengerusi, oleh kerana masa sudah . . .

Tuan Pengerusi: Panjang lagikah Yang Berhormat?

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Saya hendak menutup sekarang. Saya rasa setakat itulah sahaja yang saya dapat jawabkan dan mana-mana teguran yang saya tidak dapat jawabkan di sini, Kementerian Tanah dan Galian akan mengambil perhatian dan akan menimbang syor-syor yang telah dikesukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$36,108,100 untuk Kepala B. 66 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$302,206,104 untuk Kepala P. 66 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan Sementara, 1976.

Fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan setujukan.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$1,982,785,469 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1976, dan bagi maksud kepala dan pecahan-pecahan-kepala perbelanjaan Pembangunan Sementara yang dinyatakan di bawah Kepala Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1976 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 35 tahun 1975, adalah diuntukkan di bawah kepala-kepala yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan pecahan-pecahan-kepala itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan, 1976 telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah disetujukan tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan iaitu Jawatankuasa telah menimbang usul yang diedarkan kepadanya dan bersetuju dengan usul itu. Seterusnya saya mencadangkan:

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$1,982,785,469 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1976, dan bagi maksud kepala dan pecahan-pecahan-kepala perbelanjaan Pembangunan Sementara yang dinyatakan di bawah Kepala Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1976

yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 35 tahun 1975, adalah diuntukkan di bawah kepala-kepala yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan pecahan-pecahan-kepala itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$1,982,785,469 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1976, dan bagi maksud

kepala dan pecahan-pecahan-kepala perbelanjaan Pembangunan Sementara yang dinyatakan di bawah Kepala Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1976 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 35 tahun 1975, adalah diuntukkan di bawah kepala-kepala yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan pecahan-pecahan-kepala itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut.

Tuan Azahari bin Md. Taib: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari Isnin, 15hb Disember, 1975.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.00 malam.